



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR MOHAMMED SAFARUDDIN BIN ISMAIL  
PEGAWAI PROTOKOL PEJABAT SULTAN KELANTAN ISTANA BALAI BESAR**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD HARIF FAZILLAH BIN MOHD SAID</b>	<b>2017779279</b>
<b>MOHAMMAD NOR RAFIQ BIN ROZIMI</b>	<b>2017921277</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019 – JULAI 2019)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DR MOHAMMED SAFARUDDIN BIN ISMAIL  
PEGAWAI PROTOKOL PEJABAT SULTAN KELANTAN ISTANA BALAI BESAR**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD HARIF FAZILLAH BIN MOHD SAID</b>	<b>2017779279</b>
<b>MOHAMMAD NOR RAFIQ BIN ROZIMI</b>	<b>2017921277</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019 – JULAI 2019)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia dari Nya, kami telah dapat menyelesaikan tugas yang diberi iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai temubual bersama tokoh, namun dengan berkat dan kesabaran dan pertolongan-Nya kami dapat mengatasi masalah yang dihadapi serta dapat menyiapkan tugas yang diberi.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Oral Documentation (IMR604), iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar agar tugas ini dapat di jalankan dengan sempurna.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih diucapkan atas kerjasama beliau dalam perkongsian ilmu dan pengalaman yang sangat bermakna yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah diantara kami dengan Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail merupakan Pegawai Protokol Pejabat Sultan Kelantan Istana Balai Besar. Wawancara ini dijalankan di Pejabat beliau di Istana Balai Besar, Kelantan. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Khamis, 25 April pada pukul 2 petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail dan pengalaman beliau berkhidmat sebagai Pegawai Protokol Pejabat Sultan Kelantan Istana Balai Besar. Ketika temuramah itu berlangsung kami dapat mengetahui serba sedikit sejarah dan reka bentuk bangunan Istana Balai Besar. Tambahan pula, temuramah ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang struktur bangunan serta fungsi bangunan yang ada di dalam Istana Balai Besar. Disamping itu, temuramah ini memberi gambaran tentang pengalaman yang beliau lalui semasa berkhidmat disitu.*

**Kata kunci:** *Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail, Istana Balai Besar, Kelantan, reka bentuk bangunan*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	04
Bahagian 3: Kerjaya Terkini.....	06
Bahagian 4: Sejarah Bangunan.....	10
Bahagian 5: Reka Bentuk Bangunan.....	18
Bahagian 6: Maklumat Lain Bangunan.....	27
Bahagian 7: Aktiviti dan Perkhidmatan.....	51
Bahagian 8: Pengamugeraan dan Kejayaan.....	54
Bahagian 9: Pesanan dan Harapan.....	57
Rujukan.....	65
Senarai soalan.....	66
Log Wawancara.....	73
Diari Kajian.....	85
Lampiran	
Gambar.....	87
Indeks.....	88



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



- Nama** : Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail
- Tarikh Lahir** : 17 Jun 1970
- Warganegara** : Malaysia
- Status** : Berkahwin
- Nama Ibu** : Tengku Muziah binti Tengku Mohammad
- Nama Bapa** : Ismail bin Daud
- Pendidikan** : PHD (Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan) Universiti Malaysia  
Kelantan, 2019  
Master(Pentadbiran Perniagaan) Universiti Utara Malaysia,2007
- Pengalaman** : Pegawai Protokol di Pejabat Sultan Kelantan (2009-Sekarang)
- Bekerja** : Penjawat Awam
- No telefon** : 013-990#####

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemeramah ialah Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail, beliau merupakan Pegawai Protokol Pejabat Sultan Kelantan Istana Balai Besar. Kami memilih beliau kerana ingin mengetahui lebih mendalam tentang latar belakang, sejarah bangunan Istana Balai Besar, reka bentuk bangunan, aktiviti dan perkhidmatan beliau Dr Mohammed Safaruddin lebih berpengalaman untuk menceritakan sejarah bangunan kerana beliau sudah lama berkhidmat di Istana Balai Besar.

Di samping itu, kami amat tertarik dengan keunikan reka bentuk bangunan Istana Balai Besar dan bangunan ini sudah lama dibina pada tahun 1844 sehingga sekarang masih kekal utuh. Tambahan pula, keunikan pembinaan Istana Balai Besar ini dibina sepenuhnya menggunakan kayu dengan dibantu oleh rakyat tempatan pada masa dahulu.

# TRANSKRIP

## **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Harif Fazillah Bin Mohd Said dan Mohammad Nor Rafiq Bin Rozimi bersama Dr Mohamed Safaruddin Bin Ismail sebagai Pegawai Protokol Pejabat Sultan Kelantan mengenai sejarah bangunan dan pengalaman beliau menguruskan Istana Balai Besar yang ditubuhkan pada tahun 1840 hingga kini. Temubual ini dijalankan di Istana Balai Besar pada 25 April 2019.

Petunjuk:

DMS: Dr Mohamed Safaruddin  
HF: Muhammad Harif Fazillah

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**HF : Apakah nama penuh tuan?**

DMS : Saya, nama saya Dr. Mohammed Safaruddin Bin Ismail.

**HF : Apakah gelaran Tuan?**

DMS : Gelarannya saya adalah pelajar-yang *PHD* [Doktor Falsafah] lah dalam bidang pengurusan.

**HF : Dimanakah Tuan dilahirkan?**

DMS : Saya dilahirkan di bandar Kota Bharu.

**HF** : **Apakah tarikh Tuan dilahirkan?**

DMS : 17 June 1970.

**HF** : **Dimanakah Tuan dibesarkan?**

DMS : Saya pun dibesarkan di bandar Kota Bharu dan selepas *tu* [itu] saya- mula sambung belajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda di USM [Universiti Sains Malaysia], Pulau Pinang. Selepas *tu* [itu] saya sambung belajar di UUM[Universiti Utara Malaysia], Sintok dalam bidang Pentadbiran Perniagaan atupun MDA.

**HF** : **Dimanakah Tuan tinggal sekarang?**

DMS : Sekarang tinggal di Jalan Hospital Kota Bharu

**HF** : **Apakah nama ibu dan bapa Tuan?**

DMS : Nama ibu saya adalah Tengku Muziah binti Tengku Mohammad manakala nama bapa saya adalah Ismail bin Daud. Ibu saya adalah berasal daripada bandar Kota Bharu manakala ayah saya berasal daripada Tumpat.

**HF** : **Berapakah bilangan adik beradik Tuan?**

**DMS** : Saya mempunyai *tiga* [3] beradik, semuanya lelaki.

**HF** : **Tuan anak yang ke berapa?**

**DMS** : Saya yang bongsu ataupun anak yang ke *tiga* [3] tiga lah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**



## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**HF** : **Apakah taraf pendidikan tertinggi Tuan?**

DMS : Pendidikan tertinggi adalah *PHD* [Doktor Falsafah] dalam bidang pengurusan lah daripada Universiti Malaysia Kelantan lah.

**HF** : **Boleh saya tahu penugurusan apa itu?**

DMS : Saya membuat, kajian saya adalah berkenaan dengan budaya organisasi, politik organisasi dan kepuasan bekerja ke arah mempengaruhi pembangunan, pembangunan organisasi dalam sektor awam. Dan kajian saya adalah melibatkan *tiga ratus lima puluh* [350] jabatan kerajaan. Yang jabatan kerajaan saja. Kajian saya tidak meliputi badan berkanun dan juga pihak berkuasa tempatan.

**HF** : **Apakah tahun tamat pendidikan Tuan?**

DMS : Untuk *PHD* [Doktor Falsafah] saya, sekarang ni saya belum *biebar* [menamatkan pelajaran] tunggu masa *biebar* [menamatkan pelajaran] yang habis tahun *lapan belas* [2018], tahun lepas lah *dua ribu lapan belas* [2018]. Tunggu masa untuk *biebar* [menamatkan pelajaran] saja lah. Yang peringkat apa ni Ijazah Sarjana ataupun *Master* [Ijazah Sarjana] dalam bidang pentadbiran perniagaan saya tamat pada tahun *dua ribu tujuh* [2007].

**HF** : **Dimanakah universiti Tuan Belajar?**

**DMS** : Untuk Ijazah pertama saya belajar di USM [Universiti Sains Malaysia], Pulau Pinang. Untuk *Master* [Ijazah Sarjana] dalam bidang Pentadbiran Perniagaan saya belajar di UUM [Universiti Utara Malaysia], Sintok di UUM [Universiti Utara Malaysia], Kedah. *Lepastu* [Selepas itu], *PHD* [Doktor Falsafah] saya di Universiti Malaysia Kelantan di bawah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI**

**HF** : **Apakah pekerjaan Tuan sekarang?**

**DMS** : Sekarang ni saya adalah Pegawai Protokol di Pejabat Sultan Kelantan dan sebelum ni saya telah, saya telah bertugas di Pejabat Sultan Kelantan ni dah hampir dah *sepuluh* [10] tahun dan saya telah bertukar banyak jawatan lah. Jawatan saya mula mula saya masuk dulu saya dah jadi Pegawai Protokol. Selepas *tu* [itu], saya bertukar sebagai Pegawai Pentadbiran. Selepas *tu* [itu], saya bertukar sebagai Setiausaha Sulit Tengku Mahkota Kelantan. Selepas *tu*, saya bertukar sebagai Pegawai Istiadat. Selepas *tu* [itu], bertukar sebagai Pegawai Protokol. *Rotation* [pertukaran jawatan] saya di Istana Balai Besar dah hampir keseluruhan jawatan lah. Dan sebelum ni saya telah menjalankan tugas – tugas sebagai Pengelola selama *empat* [4] bulan lah.

**HF** : **Semua jawatan di Istana Kelantan Tuan pernah pegang?**

**DMS** : Hampir kesemuanya dah pernah pegang lah kecuali Pegawai Media dan Ketua Istiadat ja yang tak pegang lagi.

**HF** : **Apakah jawatan Tuan?**

**DMS** : Sekarang ni sebagai Pegawai Protokol lah. Haa, sebagai Pegawai Protokol.

**HF** : **Di manakah Tuan bekerja?**

DMS : Di Pejabat Sultan Kelantan lah, di Istana Balai Besar ni dan Istana Balai Besar ni di pejabat ni Pejabat Sultan Kelantan pusatnya, pusat pentadbiran Pejabat Sultan Kelantan adalah Istana Balai Besar.

**HF : Sejak bilakah Tuan bekerja?**

DMS : Bekerja di Pejabat Sultan ke bekerja masuk dalam perkhidmatan kerajaan?

**HF : Bekerja di Pejabat Sultan Kelantan.**

DMS : Bekerja di Pejabat Sultan Kelantan saya masuk ke Pejabat Sultan Kelantan pada tahun *dua ribu sembilan* [2009]. Sehingga sekarang.-- Lantikan pertama saya ke perkhidmatan awam pada tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993].

**HF : Sudah berapa lama Tuan bekerja di Istana?**

DMS : *Sepuluh* [10] tahun lah.

**HF : Apakah perasaan Tuan bekerja di sini sejak dari awal?**

DMS : Biasalah, kerja ni kita , Kita perlu merasakan kita suka dengan kerja kita dan satu makluman ya saya adalah --- ,dari segi *personally* [secara peribadi] saya minat tentang sejarah Kelantan dan saya juga adalah seorang pengumpul barangan-barangan artifak-artifak kesenian Kelantan dan ianya bersesuaian pekerjaan saya ni bersesuaian dengan minat saya dan saya rasa bekerja di Istana ini adalah merupakan satu kepuasan bagi saya sebab saya boleh mendalami

banyak aspek-aspek dan pengetahuan saya berkaitan dengan kesenian dan juga berkaitan sejarah kesultanan Kelantan.

**HF : Dari segi kesenian boleh Tuan ceritakan sedikit?**

DMS : Tentang kesenian unsur-unsur seni bina unsur apa ni kesenian pada keris, pada peralatan-peralatan kebesaran, pada seni ukir, pada semua aspek-aspek istana lah. Itu merupakan satu kesenian Kelantan lah.

**HF : Jika ada, apakah pekerjaan Tuan yang lain?**

DMS : Setakat ini saya juga adalah telah dilantik sebagai Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan saya juga adalah pensyarah kehormat di Universiti Malaysia Kelantan dan terbaru mulai 21 Mac baru baru ni saya telah di tauliahkan sebagai Leftenan Komander Kehormat untuk pasukan simpanan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM).-- Selain itu, saya juga ada dipanggil untuk memberi ceramah-ceramah berkaitan dengan protokol, protokol dan etika serta protokol dalam pengurusan majlis tentang cara berpakaian semasa menghadiri majlis dan semasa bertugas di pejabat oleh beberapa universiti, jabatan-jabatan kerajaan di Kelantan dan juga pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

**HF : Apakah Perkaitan Tuan dengan Istana Balai Besar?**

DMS : Maksud dari segi perkaitan tu dari aspek mana?

**HF : Berkaitan dari segi pengurusan?**

**DMS :** Untuk saya telah diberi tugas lah untuk menjaga, dia setiap pegawai di Istana ini akan diberi tugas untuk membuat penyeliaan di setiap istana. *So* [Jadi], saya, saya telah diberikan tugas oleh Dato' Pengelola untuk jaga Istana Balai Besar lah untuk tengok dari segi kerosakan, kebersihan dan sebagainya.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN**

**HF** : **Boleh saya tahu mengapakah istana ini ditubuhkan?**

**DMS** : Istana ini untuk makluman istana ini telah dibina semasa pemerintahan Almarhum Sultan Muhammad Ke II. Baginda telah memindahkan pusat pemerintahan baginda sebelum ni, sebelum ni Baginda telah memerintah di Istana Kota Lama ataupun dulunya dikenali sebagai Pulau Saba' di kawasan Kampung Sireh tu (bunyi kenderaan). Oleh kerana kawasan itu terlalu hampir dengan sungai dan seringkali dilanda banjir baginda telah memutuskan untuk mencari satu tapak yang agak jauh dan boleh bebas sedikit daripada banjir pada masa itu lah. *So* [Jadi], pemindahan pusat pemerintahan ini adalah kerana faktor - faktor banjir.

**HF** : **Apakah nama Istana ini semasa awal penubuhan?**

**DMS** : Awal-awal ditubuhkan dahulunya dikenali sebagai Istana Kota Bharu. Dia sebab untuk mengelakkan, sebutan nama tu dulu Kota Lama bila berpindah ke tempat yang baru dipanggil sebagai Istana Kota Bharu. Kota Bharu sebutan, sebutan awamnya pada masa itu. *So* [Jadi], selepas baginda *bersemayam* [tinggal], tinggal di sini dan sebagainya barulah baginda menukarkan istana itu kepada nama Istana Balai Besar.

**HF** : **Boleh saya tahu bilakah Istana ini mula ditubuhkan?**

DMS : Istana ini telah dibina pada tahun *lapan belas empat puluh empat* [1844], dan telah siap sepenuhnya pembinaan pada tahun *lapan belas empat puluh lima* [1845]. Ianya mengambil masa lebih kurang *satu* [1] tahun untuk pembinaan istana ini.

**HF : Sultan manakah pengasas pertama istana ini?**

DMS : Sultan Muhammad ke II atau pun nama tubuh baginda adalah Long- Long Senik bin Long Tan Temenggong Aria Pahlawan. Tu adalah nama tubuhnya. Baginda Sultan Muhammad ke II juga dikenali sebagai Sultan Muhammad Mulut Merah. Pada zaman baginda lah Istana Balai Besar ini telah dibina.

**HF : Kenapa digelarkan sebagai gelaran itu?**

DMS : Mengikut cerita orang tua-tua mengatakan “bibir mulut baginda ni merah, berwarna merah.”

**HF : Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan istana ini?**

DMS : Tuanku Sultan sendiri *bertitah* [memberi perintah] setelah seringkali dilanda banjir dan sebagainya , baginda *bertitah* [memberi perintah] untuk mencari satu kawasan yang baru itu idea untuk memindahkan istana , pusat pemerintahan daripada Istana Kota Lama ke Istana Balai Besar ini adalah cetusan idea Sultan Muhammad ke II tu sendiri.



**HF : Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan istana?**

DMS : Bagaimana yang telah saya katakana tadi lah, akibat seringkali dilanda banjir dan sebagainya kerana kawasan lokasi berkenaan adalah kawasan yang rendah dan seringkali dilanda banjir. *So* [Jadi], untuk mengelakkan daripada banjir *tu* [itu] maka baginda cuba mencari tapak yang baru.

**HF : Di mana lokasi sebenar istana ini?**

DMS : Istana ini tidak dipindahkan, istana ini telah dibina baru. *So* [Jadi], kalau lokasi sebenar dia melalui proses pembinaan. Istana ini tidak dipindahkan. Dibina yang baru. Istana Kota Lama itu tidak dipindahkan dan dibiarkan begitu sahaja dan lalu dibina istana yang baru.

**HF : Adakah terdapat dua istana yang berbeza?**

DMS : Dia dulu istana- istana ini banyak di Kelantan. Dulu istana setiap daripada anak-anak raja, anak sultan dibina istana-istana di sekitar ini. Istana Raja Muda di Penambang, Istana Tengku Senik Kota di kawasan Salor, Istana Long Yusof Raja Bukit Panjor di gunung, Istana Long Ismail di Kampung Laut, Istana Long Jenal di Banggol. Semua itu, semua ada istana- istana, cuma pusat pemerintahan Istana *persemayaman* [tempat tinggal] Sultan adalah di Istana Kota Lama *lepas tu* [selepas itu] berpindah ke sini.

**HF : Boleh saya tahu tentang pemilihan nama Istana Balai Besar itu sendiri?**

DMS : Nama itu diambil Istana Balai Besar sebab bila dijadikan, Istana ini telah dijadikan istana rasmi, istana *persemayaman* [tempat tinggal] dan juga untuk berlangsungnya adat istiadat dan ruangan balai *tu* [itu] adalah luas. *So* [Jadi], cetusan idea Istana Balai Besar, balai ini adalah balai penghadapan. Bila balai penghadapan itu besar. *So* [Jadi], sempena mengambil nama balai yang besar itu lalulah yang dinamakan Istana Balai Besar.

**HF : Siapakah yang merasmikan Istana ini?**

DMS : Sultan Muhammad ke II. -- Pada tahun *lapan belas empat puluh lima* [1845].

**HF : Pada tahun berapakah istana ini boleh digunakan sepenuhnya?**

DMS : *Lapan belas empat puluh lima* [1845]. Setelah siap, *lapan belas empat puluh empat* [1844] *tu* [itu] dibina dalam pembinaan siap sepenuhnya *lapan belas empat puluh lima* [1845] Sultan Muhammad ke II telah berpindah daripada Istana Kota Lama terus *bersemayam* [tinggal] di Istana Balai Besar.

**HF : Berapakah keluasan tapak istana ini?**

DMS : Keseluruhan kawasan tapak yang berpagar ni adalah *empat* [4] ekar. Dulunya dia *dua* [2] lapisan, *dua* [2] lapisan iaitu lapisan yang berpagar ini adalah keluasannya *empat* [4] ekar dan *satu* [1] lagi adalah dilingkungi oleh buluh-buluh, buluh-buluh dan sebab di belakang , dan kawasan ini ianya dikenali kawasan apni buluh kubu sebab dulu merupakan pertahanan buluh ni selepas

dia ada dua pagar selepas *tu* [itu] ada, ada lingkaran buluh disekelilingnya untuk mengelakkan daripada serangan musuh-musuh *lepastu* [selepas itu] ada kawasan yang berparit untuk dan apa ni ada, *lepastu* ada lapisan pagar yang ke *dua* [2]. Untuk lapisan yang ke *dua* [2] yang kita lihat sekarang ni keluasannya adalah *empat* [4] ekar.

**HF** : **Adakah dulunya kawasan ini kawasan hutan?**

DMS : Dulunya kawasan ini adalah kawasan kebun kepunyaan Sultan dan dulunya kawasan ini dikenali dengan nama *kebun menseto* [kebun manggis]. Tahu *kebun menseto* [kebun manggis]? *Menseto* ini adalah buah manggis. Buah manggis *tu* [itu], Kelantan panggil buah *menseto*. Dia kawasan ini asalnya adalah kawasan kebun kepunyaan Raja. Kepunyaan Sultan Kelantan lah.

**HF** : **Adakah nama Istana Balai Besar itu sering berubah ubah atau kekal?**

DMS : Kekal. Nama *tu* [itu] adalah asal sehingga lah kini.

**HF** : **Berapakah kos penubuhan istana ini?**

DMS : Sebab pembinaan istana ini pada zaman itu tidak ada satu dokumen yang tetap berapa dibina dan Sultan telah mendapatkan khidmat daripada *Tok Kweng* [penghulu kampung] ataupun penghulu di negeri negeri lain. Sekarang ni di Kelantan dipanggil *penggawa* [penghulu] untuk dapatkan dari segi tukang, dari segi bahan mentah iaitu kayu cengal dan sebagainya semua dapatkan daripada

hutan-hutan di kawasan Pasir Puteh.

**HF** : **Apakah fungsi utama istana ini di awal penubuhan?**

DMS : Istana ini, Istana Balai Besar daripada awal penubuhan ia adalah berfungsi sebagai istana tempat *persemayaman* ataupun tempat tinggal dan juga dimana tempat segala adat istiadat yang melibatkan raja-raja dilangsungkan di sini. Contohnya, yang pertamanya, Istiadat Pertabalan Raja-Raja Kelantan semuanya berlangsung disini. Istiadat Perkahwinan Diraja, Istiadat Kemangkatan Diraja semua berlangsung di dalam sini. Istana, dari segi fungsi perubahan fungsinya dulu selain daripada tempat *persemayaman* [tempat tinggal] dan juga tempat berlangsungnya istiadat sehinggalah yang terakhir sultan yang *bersemayam* [tinggal] di istana ini adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Yang Ke IV yang memerintah Kelantan pada tahun *seribu sembilan ratus* [1900] sehingga *seribu sembilan ratus dua puluh* [1920]. *Selepas seribu sembilan ratus dua puluh* [1920], istana ini bukan lagi istana sebagai tempat *persemayaman* [tempat tinggal] tapi ianya berfungsi sebagai istana untuk berlangsungnya sebarang adat istiadat sebagai mana yang saya ceritakan tadi, Istiadat Pertabalan, Istiadat Kemangkatan, Istiadat Perkahwinan diraja, Istiadat Penghadapan daripada tetamu-tetamu daripada luar dan sebagainya. Cuma satu ja fungsi atau *persemayaman* ataupun tempat tinggal sultan itu telah berubah apabila sultan tidak lagi *bersemayam* [tinggal] di sini.

**HF : Adakah terdapat misi dan visi untuk dicapai oleh istana ini?**

DMS : Kita, Istana ini adalah merupakan satu kawasan larangan yang mana kita tidak benar, tidak boleh menerima tetamu untuk datang sini tanpa mendapat *ampuni perkenan* [keizinan] daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Maknanya, kalau tidak ada apa, dari segi misi dan visi kita tidak mempunyai khusus untuk istana tetapi untuk pejabat memang adalah misi dan visi kitanya. Itu sajalah.

**HF : Apakah misi dan visi pejabat?**

DMS : Misi dan visi kita adalah untuk memelihara, memelihara kedaulatan raja-raja dan juga memelihara tentang semua aspek-aspek kesenian yang ada dari segi seni bina , dari segi adat istiadat dan sebagainya.

**HF : Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan istana ini?**

DMS : Setahun.

**HF : Adakah terdapat kesukaran atau masalah yang dihadapi ketika menubuhkan istana ini?**

DMS : Biasalah istana ini bila melibatkan *tintah* [perintah] daripada tuanku, tidak ada apa-apa masalah lah dan ianya siap dalam masa yang ditetapkan.

**HF** : **Apakah contoh atau bahan mentah yang digunakan?**

**DMS** : Keseluruhan. Hampir keseluruhan istana ini menggunakan kayu cenggal batu yang diambil daripada daerah di Pasir Puteh, Kelantan lah.- Cengal batu ini adalah satu kayu, kayu yang hanya tumbuh di kawasan Pasir Puteh, Machang, dan juga sebahagian Tanah Merah dan sebahagian Jeli sahaja. Dia ada lingkaran kawasan tu tumbuh. Kayu cenggal ni adalah merupakan sejenis kayu yang keras dan yang paling popular di semenanjung Malaysia lah dari segi kekerasan dan ketahanan dia.

**HF** : **Bagaimana untuk membawa kayu cenggal ke sini dahulu?**

**DMS** : Ohh, dulu gajah lah.- Ditarik dengan gajah pada masa itu.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: REKA BENTUK BANGUNAN**

**HF** : **Apakah konsep reka bentuk bangunan ini?**

**DMS** : Reka bentuk bangunan ini adalah reka bentuk dari segi reka bentuk Melayu Kelantan. Di setiap yang mana kita seni bina Melayu Kelantan ini adalah banyak dipengaruhi oleh seni bina Melayu Pattani. Kita hampir sama lah dari segi tu dan setiap seni bina diantara satu negeri dan negeri yang lain mempunyai identiti ataupun perbezaan dari segi seni bina berkenaan. Contohnya saya bagi, macam di Terengganu. Terengganu juga- Sultanah Melayu Terengganu juga ataupun Melayu Terengganu juga mempunyai kesenian dan ciri-ciri seni bina rumah Melayu Terengganu. Ianya ada sedikit sedikit perbezaan dengan Melayu Kelantan. Ok, setiap negeri berbeza contohnya di Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan bentuk pengaruh seni binanya adalah lebih kepada pengaruh Minangkabau tapi kita lebih, di Kelantan ini lebih kepada pengaruh daripada apani, Pattani. Macam di Kedah, di Perak dia mempunyai ciri-ciri dan pengaruh yang berbeza. Dia lebih di Kedah, Perak, Selangor dan termasuk di Perlis. Perlis dia lebih kepada pengaruh *saktun ataupun setul* di selatan Siam tu. Tapi kalau di Kedah, Perak dan Selangor, pengaruhnya lebih kepada Sumatera dan kita dapat saksikan perbezaan dari segi bentuk seni bina rumah berkenaan dan juga ukiran ukiran yang terdapat pada rumah berkenaan. [batuk]

**HF** : **Boleh saya tahu ukiran tu, ukiran yang macam mana?**

DMS : Ukiran dalam Istana Balai Besar tu mempunyai panel. Di panel panel, di dinding tu ada sebahagiannya mempunyai ukiran ukiran dan juga di ruangan jejala dan sebagainya. Dan untuk makluman, terdapat *empat* [4] jenis dinding yang terdapat di Istana Balai Besar. Yang pertamanya, yang jenis dinding macam ni, ini dinding jenis ini dikenali sebagai dinding janda berhias. [batuk] Janda berhias, satu lagi yang membentuk dinding di dalam Istana Balai Besar dipanggil janda ria. Janda ria adalah mempunyai persamaan yang seakan akan sini tapi ia mempunyai hiasan ukiran bunga. Itu dipanggil janda ria. Satu lagi adalah dinding yang berbentuk motif menegak, bentuk yang menegak macam ini dan satu lagi adalah bentuk dinding yang coraknya melintang. Terdapat *empat* [4] jenis. Dia, saya huraikan perbezaan contoh untuk membezakan dengan jelas tentang dinding janda berhias Kelantan dan Terengganu. Macam yang kita lihat, panel dinding janda berhias Kelantan mempunyai apa ni corak yang melintang. Perasan tak ada melintang? Yang lain menegak tapi untuk dinding janda berhias Terengganu, dia tidak mempunya motif yang melintang semuanya menegak. Semuanya menegak.

**HF : Kalau yang belakang ini?**

DMS : Yang ni menegak *tu* [itu] biasalah. Menegak *tu* [itu]biasa tapi yang dinding janda berhias, yang janda ria perbezaannya ada hiasan bugaan pada tempat tempat tertentu.



**HF** : Adakah terdapat unsur unsur dalam Islam dari segi pembinaan istana ini?

**DMS** : Memang setiap Melayu, pada masa pembinaan *tu* [itu] pengaruh Islam telah datang dan banyak ciri-ciri dan juga pengaruh Islam. Bukan Islam sahaja, tapi ada juga ciri – ciri dan pengaruh contoh daripada pengaruh China contohnya dalam Istana Balai Besar ada hiasan yang bermotifkan motif China. Yang bentuk awan China dan sebagainya. Itu adalah pengaruh-pengaruh. Pengaruh-Kita biasa menerima pengaruh, ada contoh Islam bukti pengaruh Islam yang jelas kita dapat lihat di Istana Balai Besar ada satu ruangan yang diukir yang kayunya diukir dengan tulisan Arab ataupun dalam tulisan arab, yang mana dalam *empat* [4] bahagian itu yang menyatakan sahabat yang *empat* [4]. Abu Bakar, apa ni Umar, Ali dan juga apa ni semua sahabat empat 4 ada. Itu ada dalam, itu menunjukkan bahasanya ada unsur dan pengaruh Islam di dalam Istana Balai Besar.

**HF** : Selain daripada pengaruh Islam, pengaruh apa lagi yang ada?

**DMS** : Pengaruh China. Yang macam saya bagitahu lah. - Terutama sekali di bahagian jejala. Jejala tu ada *influence* [pengaruh] daripada China dan juga ada juga pengaruh, - di bahagian akhir ni ada pengaruh daripada barat iaitu ada hiasan-hiasan *decoration* [hiasan] ataupun *medal* [pingat] daripada barat. Itu adalah kita ambik daripada pengaruh barat.

**HF** : Boleh Tuan ceritakan terdapat berapa pengaruh yang ada?

DMS : *Pertamanya* [1], Melayu Kelantan. Yang *keduanya* [2], China. Yang *ketiganya* [3] Islam. Yang *keempatnya* [4], adalah pengaruh daripada barat lah.

**HF** : **Adakah istana ini dibina berasaskan kayu sahaja?**

DMS : Kayu sahaja. Asalnya seratus peratus adalah daripada kayu. - Bahagian atasnya dulu yang asalnya bumbung yang asal dibuat daripada atap rumbia. Ianya telah diubah semasa Almarhum Sultan Muhammad Ke IV dibuang atap rumbia itu , digantikan dengan bata senggora ataupun bata genting yang sebagaimana yang kita dapat lihat hari ini.

**HF** : **Adakah terdapat perbezaan reka buntut dari awal sehingga kini?**

DMS : Dia ada sedikit lah perbezaan. Contohnya, kita dah tambah ada pembesaran tapi pembesaran itu tidak melibatkan perubahan pada struktur. Dulunya oleh kerana disebabkan Istana Balai Besar ini *istana persemayaman* [istana tempat tinggal sultan] dia ada kawasan yang kita kenali sebagai dapur lintang sebab bila bersemayam mesti kena ada memasak dan sebagainya. So [Jadi], sekarang ini kerana istana itu tidak lagi menjadi *istana persemayaman* [istana tempat tinggal sultan], istana ini adalah untuk adat istiadat sahaja maka dapur lintang dan ruangan yang dalam Bahasa Kelantan nya dikenali sebagai *jemure basoh* [dapur lintang]. *Jemure basoh* [dapur lintang] ini satu ruangan yang hanya ada lantai sahaja tanpa ada dinding dan juga bumbung yang mana fungsi dan peranan bahagian *jemure basoh* [dapur lintang] itu adalah untuk menjemur kain,

membasuh kain dan sebagainya dan biasanya *jemure basoh* [dapur lintang] ini adalah satu ruangan yang menjadi penghubung antara rumah dapur dan rumah ibu. Dia ada satu ruangan, sekarang ini ruangan ini kerana dapur yang kita kenali sebagai dapur lintang itu telah dirobuhkan dan dibina disambung istana dan menjadi kawasan Istana Balai Penghadapan.

**HF** : **Boleh saya tahu di istana ini terdapat berapa bahagian?**

DMS : Dia ada *satu* [1] bahagiannya, ada *satu* [1] bahagian iaitu bilik majlis dalam dipanggil bilik majlis dalam. Satu ruangan yang paling besar adalah ruangan balai penghadapan. *Okay* [Baiklah]. *Lepastu* [Selepas itu], ada satu ruangan yang kita kenali sebagai ruangan untuk bahagian media. Dibelakangnya ada satu ruangan untuk *medical* [perubatan] untuk kita panggil *seat bay* [ruangan sakit] ataupun ruangan untuk bahagian sakit. Ni adalah *contingency* [hal darurat]. Ni zaman moden lah, zaman dulu tak ada ni *okay* [baik]. *Lepastu* [Selepas itu], di belakang tu kita ada *satu* [1] ruangan untuk menyimpan barang barang di dalam Istana Balai Besar contohnya peralatan kerusi, meja dan sebagainya. Kita simpan di ruangan dalam ataupun kita jadikan macam ruangan stor dan *satu* [1] lagi ruangan dapur dan ada *tiga* [3] kawasan tandas lah. Di bahagian bawah ada *dua* [2] tandas, di bahagian ruangan A dan ruangan B ada *tiga* [3] tandas dan *tiga* [3] tandas dia secara,-- dan Istana Balai Besar ini mempunyai *dua ratus sembilan sembilan* [299] batang tiang. Tiang mempunyai banyak tiang. *Haa* [Ya], *dua ratus sembilan puluh sembilan* [299] batang tiang.

**HF : Kalau dari segi zaman dahulu apa beza dengan zaman sekarang?**

DMS : Dia beza dari segi fungsi tu lah. Kalau dulu, sekarang kita jadikan dapur tu adalah ruangan dapur tu dulunya adalah bilik *persemayaman* [bilik tidur] atau bilik *peraduan* [bilik tidur] tuanku.- Dulu media mana ada. Coverage media bilik tu asalnya bilik perasapan ataupun bilik menyimpan peralatan wayang kulit, gendang dan sebagainya.

**HF : Bagaimanakah cara pembinaan istana ini?**

DMS : Istana ini telah dibina oleh tukang tukang melayu lah dan menggunakan teknologi pada masa itu ja lah. Tidak mempunyai sebarang kemudahan *craine* [jentera pengangkut] dan sebagainya menggunakan,- menggunakan teknologi sezaman pada masa itu. Itu saja.

**HF : Adakah terdapat penambahan pada zaman sekarang?**

DMS : Penambahan dari segi *gapo* [apa]?

**HF : Ubah struktur bilik, tambah bilik.**

DMS : Kita kurangkan bilik dan ubah dari segi fungsinya sahaja.

**HF : Adakah pembinaan istana ini pada zaman dahulu menggunakan khidmat rakyat tempatan?**

DMS : Semuanya menggunakan khidmat rakyat tempatan yang di panggil dikerah melalui penghulu ataupun *penggawa* [penghulu]. Di Kelantan dahulu dikenali sebagai Tok Kweng. Tok Kwen ni adalah penghulu la sekarang ni.- Tok Nebeng ni adalah ketua kampung di negeri negeri lain dan penghulu di Kelantan.

**HF : Adakah terdapat juga kerahan daripada rakyat luar?**

DMS : Kerah melalui penghulu penghulu lain lah. Tak ada, luar Kelantan tak ada lah. Rakyat Kelantan sahaja lah yang kita kerah melalui penghulu-penghulu.

**HF : Adakah rakyat Kelantan sahaja yang terlibat dalam pembinaan?**

DMS : Rakyat Kelantan sahaja lah.

**HF : Bagi pendapat Tuan, apakah keistimewaan yang terdapat pada istana ini?**

DMS : Keistimewaan Istana Balai Besar ini adalah *pertamanya* [1] dari segi seni binanya iaitu seni bina Melayu Kelantan. Yang *keduanya* [2], keistimewaannya dia masih lagi berfungsi sebagai istana untuk adat istiadat yang saya yakin sekarang ini hanya Istana Balai Besar satu satunya lagi istana kayu yang masih berfungsi sebagai tempat adat istiadat. Macam kita lihat Istana Sri Menanti di Negeri Sembilan walaupun ada *satu* [1] istana, istana besar istana lama Sri Menanti tu adalah istana yang dibina daripada kayu lama tetapi sekarang ini telah dijadikan muzium sahaja bukan lagi berfungsi sebagai tempat untuk

berlangsungnya adat istiadat dan keistimewaan yang ada di Istana Balai Besar ini kita masih lagi boleh gunakannya sebagai untuk sebarang majlis adat istiadat. Dan seni binanya adalah unik dan seni bina Melayu Kelantan dan menjadi *satu* [1] bagi saya ianya adalah *satu* [1] *icon* [ikon] lah, *satu* [1] *icon* [ikon] untuk kajian generasi generasi baru ini untuk mengkaji tentang seni bina Kelantan itu.

**HF : Adakah bangunan yang dibina dengan kayu ini kekal teguh?**

DMS : Ianya perlu kepada penyelenggaraan yang berterusan dan sekiranya saya yakin sekiranya tidak ada penyelenggaraan yang berterusan dan penyelenggaraan yang baik, ianya tidak mampu bertahan sehingga kini dan kita perlu jaga daripada sudut anai-anai dan sebagainya perlu buat *pest control* [kawalan serangga] untuk anai-anai dan sebagainya.

**HF : Boleh tuan ceritakan proses penjagaan itu?**

DMS : Penjagaan ini kita perlu sentiasa bersihkan, perlu sentiasa buat penyeliaan lah, perlu *check* [pengawasan], perlu buat pemeriksaan secara berkala terutama sekali dari segi anai-anai dan sebagainya. Dan untuk maklumannya, kita membuat pemeriksaan anai anai ni secara setiap bulan. Untuk buat pemeriksaan anai-anai dan pihak *pest control* [kawalan serangga] akan *mari* [datang] setiap bulan untuk masukkan racun untuk mengelakkan anai-anai itu dari merebak lah.

**HF : Keseluruhan kayu?**

DMS : Semua, keseluruhan kawasan Istana Balai Besar ni.

**HF** : Adakah bangunan ini terpelihara keaslian bentuknya?

DMS : Bentuk kita kekal dan pelihara sepertimana yang asal.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: MAKLUMAT LAIN BANGUNAN**

**HF : Berapakah kos perbelanjaan istana ini untuk setiap bulan?**

DMS : Kita tak boleh- saya tidak boleh bagi jumlah yang *specific* [tepat] sebab perbelanjaan istana kita tidak boleh *publish* [dedahkan] lah *okay* [baik] dan kosnya tidak lah begitu tinggi- sebab kita buat apa ni, apa ni dari segi penjagaan tu kita buat secara berkala. *So* [Jadi], kita ada pekerja kita sendiri dan tidak melibatkan kos yang tinggi lah. Dari segi *specific* [terperinci] kita tak boleh dedahkan kerana ini adalah istana. Sebarang maklumat-maklumat bukan semua kita boleh dedahkan lah.

**HF : Siapakah ahli jawatankuasa tertinggi di istana ini?**

DMS : Dia, disini dia tidak mempunyai jawatankuasa tetapi dia,- oleh kerana istana ini adalah dia bawah Pejabat Sultan Kelantan dan setiap pejabat dia mempunyai susunan organisasi tersendiri *okay* [baik]. Susunan yang tertinggi dari sudut hirarki dalam di Pejabat Sultan Kelantan adalah Pengelola Istana Diraja lah- yang bertanggungjawab secara langsung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan lah.

**HF : Mengapakah beliau di lantik menjadi ahli jawatankuasa tertinggi?**

DMS : Dia bukan jawatankuasa, dia adalah penjawat awam yang tetap, istana ini tidak



mempunyai sebarang ahli jawatankuasa. Kena perbetulkan dari segi jawatankuasa. Dia tidak mempunyai, dia adalah di bawah penyelenggaraan pejabat sultan, pejabat sultan sebagai lazimnya pejabat-pejabat kerajaan yang lain mempunyai pengarah dan sebagainya. Jawatan pengarah di pejabat lain tu di sini dikenali sebagai Pengelola Istana Diraja.

**HF : Boleh saya tahu tugas Pengelola Istana?**

DMS : Tugas Pengelola Istana ini semua lah, dari segi penyelenggaraan istana, dari sudut pentadbiran, dari sudut kewangan, semua sebagaimana lazimnya di pejabat lah.

**HF : Berapa ramai petugas yang bertugas mengendalikan istana ini?**

DMS : Untuk Istana Balai Besar sahaja kita mempunyai dalam,- pekerjanya sekitar *dua puluh* [20], *dua puluh* [20] untuk penjaga dalaman dan juga di bahagian luaran.

**HF : Adakah istana ini dikawal dua puluh empat 24 jam?**

DMS : Ya. Kita dari segi kawalan istana ini adalah sebagai satu kawasan larangan yang mana kita tidak benarkan tetamu masuk sewenangnyanya macam masuk *ni* [ini] kena dapatkan pas pelawat dan sebagainya *okay* [baik] kecuali petugas-petugas yang mana kita mempunyai pas sebagai pekerja dan polis akan berkawal di istana ini *dua puluh empat* [24] jam dan hanya satu pintu sahaja yang kita ada *access* [jalan masuk] masuk dan *access* [jalan masuk] keluar yang sebagaimana yang saudara-saudara masuk tadi lah pintu di depan.- dan pintu dibelakang

biasanya kita tutup, hanya dibuka pada waktu waktu majlis tertentu sahaja dengan kawalan oleh pihak polis.

**HF : Bagaimanakah pembayaran gaji dilakukan?**

DMS : Sama macam penjawat penjawat awam yang lain lah, sama macam penjawat awam yang lain. Gaji secara bulanan dan mengikut skim yang telah ditetapkan oleh kerajaan lah.

**HF : Apakah perkhidmatan yang disediakan di Istana ini?**

DMS : Kita perkhidmatan kita ni kita tidak membuka perkhidmatan kita pada orang luar. Kita tidak, perkhidmatan yang kita berikan adalah untuk mengendalikan sebarang majlis adat istiadat itu sahaja.

**HF : Berbalik kepada soalan tadi, tadi tuan ada menceritakan tentang jemuran basah. Boleh ceritakan lebih terperinci?**

DMS : *Jemure basoh* [kawasan lapang] ni adalah satu kawasan yang kawasan tu adalah kawasan yang hanya mempunyai lantai sahaja, lantai dan biasanya di kawasan *jemure basoh* [kawasan lapang] ni adalah ada mempunyai telaga, telaga dan kerana *jemure basoh* [kawasan lapang] ni fungsi dia tidak mempunyai dinding dan bumbung. Fungsinya adalah biasanya adalah sebagai penghubung antara rumah ibu ataupun bangunan utama dengan rumah dapur ataupun bahagian dapur. So [Jadi], di kawasan *jemure basoh* [kawasan lapang] ni biasanya adalah

kawasan yang untuk jemur kain, membasuh kain, membasuh kain dan sebagainya. Di kawasan *tu* [itu] lah dan untuk kerja kerja lain pun mungkin waktu berehat pada waktu malam ataupun waktu waktu petang dia boleh dijadikan kawasan rehat di situ, di kawasan *jemure basoh* [kawasan lapang] tu.

**HF : Berapakah keluasan jemuran basah?**

DMS : Keluasannya agak besar jugak lah, lebih kurang dalam *seratus* [100] kaki kali-kali *tiga puluh* [30] kali *seratus* [100] kaki.

**HF : Bagaimanakah keadaan dapur, adakah terdapat perbezaan pada zaman dahulu dan sekarang?**

DMS : Memang jelas lah dari segi perbezaan kerana pada masa tu dapur dapur zaman zaman tu masih menggunakan kayu dan peralatan peralatan dapur pun masih menggunakan periuk tembaga, kualiti tembaga dan semua lah benda benda yang melayu kita. Dan sekarang semuanya moden menggunakan dapur gas dan sebagainya. Peralatan pun sekarang ni guna guna peralatan moden lah. Beza lah dari segi tu memang beza lah.

**HF : Kalau dari segi zaman dahulu apa yang ada di kawasan dapur ?**

DMS : Dapur samalah, peralatan untuk memasak lah cuma dari segi peralatan yang digunakan. Dia guna dapur arang, dapur kayu dan sebagainya.

**HF : Bagaimanakah keadaan di bahagian utama istana?**

DMS : Bahagian istana itu adalah satu ruangan yang mana dikhususkan pada untuk Tuanku Sultan dan keluarga rapat sahaja dan Istana Balai Besar ini dia ada mempunyai *tiga* [3] ketapakan iaitu ketapakan *pertama* [1],- ketapakan *pertama* [1] biasanya diduduki oleh mereka mereka yang menghadap dari golongan rakyat biasa,- *okay* [baik] rakyat biasa duduk di bahagian bawah sekali di ketapakan *pertama* [1]. Di ketapakan *kedua* [2], ketapakan *kedua* [2] tu adalah biasanya pihak golongan-golongan bangsawan, datuk-datuk , datuk-datuk dan juga pembesar pembesar negeri akan duduk di ruangan ketapakan yang *kedua* [2]. Manakala di ketapakan *ketiga* [3], ketapakan paling atas tu biasanya diduduki oleh sultan dan kerabat-kerabat yang terdekat dengan baginda sahaja. *Okay* [baik], itu adalah hirarki dalam sistem kesultanan melayu kita di mana mana negeri sekalipun dia menunjukkan ada perbezaan antara rakyat jelata, golongan bangsawan dan juga golongan diraja.

**HF : Adakah terdapat perkaitan di antara Istana Balai Besar Dan Istana Jahar?**

DMS : Istana Jahar ini dibina oleh Sultan Muhammad III sebagai hadiah kepda cucunda baginda. *Okay* [Baik], Istana Balai Besar, Istana jahar ni dibina selepas Istana Balai Besar. Dulunya Istana Jahar ini dikenali Istana Tengku Bendahara, hadiah Sultan Muhammad ke III kepada cucunda baginda sebagai hadiah perkahwinan. Jadi, dari segi perkaitan--, pembinaan itu pada zaman yang sama lah. Dari zaman yang berbeza. Dari segi struktur pembinaan pun Istana Balai Besar,

Istana *sorry* [maaf]--- Istana Jahar ataupun Istana Tengku Bendahara adalah binaan ini sebahagian besarnya daripada batu.

**HF : Adakah terdapat perkaitan diantara Istana Balai Besar dan Masjid Muhammadi?**

DMS : Bila wujud Istana Balai Besar sebagai pusat pentadbiran bila sultan *bersemayan* [tinggal] di sini bila, dan di samping itu, perkembangan bandar Kota Bharu ni, perkembangan bandar Kota Bharu ni bermula dengan terbinanya Istana Balai Besar pada *lapan belas empat puluh lima* [1845] dan di sekitar-sekitar ni didiami oleh kerabat- kerabat dan juga pembesar-pembesar negeri. Maka, ianya menjadi pusat pentadbiran jadi macam ibu negeri lah , ibu negeri , jadi maka wujudlah Masjid Muhammadi. Masjid Muhammadi, pembinaan Masjid Muhammadi tu adalah dibina terkemudian sedikit daripada pembinaan Istana Balai Besar. Dan Istana,- Masjid Muhammadi tu adalah pembinaanya adalah awal atau masjid buruk atau masjid lama dulu adalah dibina daripada kayu dan masjid batu ini dibina, diubah kepada masjid batu pada tahun *sembilan belas dua puluh lima* [1925] kalau tak silap saya semasa pemerintahan Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV baru dia buat bangunan batu sebelum ni masjid tu adalah masjid kayu dan Masjid Muhammadi yang asalnya kayu itu adalah merupakan pusat,- memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan menjadi satu pusat yang penting untuk menjadi tempat penyebaran agama Islam di mana ramai guru-guru agama yang masyhur pada

masa itu termasuklah Tok Kenali sendiri dan ulamak-ulamak sebelum daripada Tok Kenali yang mengajar di Masjid Muhammadi dan banyak pelajar-pelajar yang datang daripada luar duduk belajar di Masjid Muhammadi begitu juga dengan anak-anak sultan juga ada- yang pergi belajar ilmu keagamaan di Masjid Muhammadi dan selain daripada itu pihak sultan juga telah menjemput qari-qari ataupun apani guru guru Al-quran yang terbaik untuk mengajar anaknda sultan di Istana Balai Besar ini.

**HF : Apakah bentuk atap yang digunakan pada zaman dahulu dan zaman sekarang?**

DMS : Dari segi bentuknya masih kekal dengan bentuk yang sama cuma tukar dari segi bahan. Kalau dulu semasa awal awal pembinaan sehinggalah semasa Sultan Muhammad Ke IV, apani atapnya dibuat daripada atap nipah dan selepas daripada pemerintahan Sultan Muhammad Ke IV, baginda telah menukar daripada atap nipah kepada bata genting ataupun bata senggora sekarang ini kerana dari segi ketahanan lah, atap nipah ni seringkali berlaku kebocoran dan sebagainya maka digantikan dengan atap genting ataupun bata senggora.

**HF : Adakah terdapat perubahan atap mengikut pemerintahan sultan?**

DMS : Tak. Itu adalah bermula daripada Sultan Muhammad Ke IV, Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad Ke IV, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhammad Ke IV, Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan

Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra sehinggalah Sultan Muhammad Ke V kita masih kekalkan atap kita dengan atap bata singgora itu. Kita tidak ubah dia perubahan itu tidak mengikut sultan. Perubahan itu kita cuba kekalkan dengan yang asal.

**HF : Boleh saya tahu bata singgora tu macam mana dan berasal daripada mana?**

DMS : Bata singgora ni dia popularnya di kawasan Singgora di Thailand tapi masa tu kebanyakan rumah rumah melayu Kelantan semasa zaman tahun *seribu sembilan ratus* [1900] ataupun akhir *seribu lapan ratus* [1800] *tu* [itu] , akhir akhir tahun tu banyak rumah ni dibina menggunakan bata singgora dan banyak tukang tukang yang membuat bata singgora ni di Kelantan selain juga diambil di Thailand dibawa daripada Singgora. Sampai sehingga sekarang ni pun masih ada lagi tukang yang membuat bata singgora ni di Kampung Pengkalan China, Bachok . ada satu lagi tukang yang masih membuat secara tradisional dan untuk itu kita tida ada masalah la untuk dapatkan bekalan bata singgora itu kerana masih ada pembuat dan masih ada penjual dan penjual *tu* [itu] ada di sebelah Masjid Muhammadi *tu* [itu] ada jual lagi bata singgora.

**HF : Dari segi pagar, apakah yang mempengaruhi seni bina bangunan?**

DMS : Pagar ini adalah mengikut pagar yang asal dimana pagar yang asal dulu dibina daripada kayu. Kayu sekeliling dan mengapa ia dibina tinggi kerana asal asal

lagi dulu kan satu kota ataupun satu kawasan *persemayaman* [tempat tinggal sultan] ini perlu kepada *satu* [1] keadaan, keselamatan yang terjamin. So [Jadi], pagar itu perlu tinggi untuk mengelakkan pencerebohon.

**HF** : **Apakah bahan yang digunakan untuk membuat pagar? Kayu apa yang digunakan?**

DMS : [Batuk] Asalnya adalah kayu cenggal.

**HF** : **Kayu cenggal sahaja?**

DMS : Kayu cenggal sahaja sebab faktor penggunaan kayu cenggal ni kerana kayu cenggal adalah sejenis kayu yang keras, tahan dan tahan kepada cuaca kita panas sejuk [batuk] contohnya musim hujan dan juga pada musim panas.

**HF** : **Boleh saya tahu berapakah ketinggian pagar tersebut?**

DMS : Ketinggiannya dalam lebih kurang dalam *lima belas kaki* [15] kaki daripada aras tanah- dan satu lagi keunikan Istana Balai Besar ini.- Ini dibina pada tahun *lapan puluh* [1980] kawasan dalaman Istana Balai Besar mulai *seribu sembilan ratus lapan puluh* [1980] tu tidak lagi dimasuki oleh air semasa banjir. Ini adalah berkaitan dengan teknologi ataupun inovasi yang dibuat oleh Pengarah [JPS] pada masa itu iaitu Dato' M. Kulasingham dia telah membuat binaan konkrit di sekeliling Istana Balai Besar ini dan di bahagian pintu, pintu depan dan pintu belakang apabila masuk musim tengkujuh ataupun bila air sudah



memenuhi sungai di kawasan sini kita akan tutup dengan satu pintu *apani* [apa ini] diperbuat daripada besi dan luran longkang longkan kita akan tutup dengan besi dan air yang masuk sedikit melalui longkang ataupun melalui bahagian yang mana mana masih lagi tak terdedah untuk memasuki air kita akan pam melalui bahagian belakang *tu* [itu] ada *dua* [2] rumah pam. Kita akan pam keluar dan keadaannya akan kering sama seperti yang kita lihat *ni* [ini] lah. Dia tidak akan dilanda banjir mulai *seribu sembilan ratus lapan puluh* [1980] benda ni sebelum *tu* [itu] seringkali juga dilanda banjir tetapi dari segi kedalaman *tu* [itu] tidak begitu dalam lah.

**HF** : **Boleh saya tahu siapakah yang bina pagar ini?**

DMS : Tidak ada rekod lah sebab pagar ini melalui banyak proses dah, ada kerosakan diganti dengan yang baru melalui beberapa proses penukaran pagar lah yang asal tidak, tukang yang asal ni adalah tukang ni nama keseluruhan tukang tu saya tidak ada rekod tapi ketua tukang ada rekod iaitu Che Muhammad Bin Che Ali seorang tukang yang tukang melayu yang berasal daripada Kampung Kangkong, Pasir Mas. Dia dengan *team-team* [pasukan- pasukan] dia lah tapi ianya telah melalui beberapa proses lah bila rosak diganti dengan yang baru dan nama nama *tu* [itu] kita tak ada rekod lah.

**HF** : **Apakah cat yang digunakan?**

DMS : Saya pun tak pasti tetapi yang moden ni menggunakan cat cat yang terbaik lah.

Cat yang biasanya ICI ataupun yang berkualiti tinggi lah Cuma pintu pagar tu kalau boleh tengok pintu pagar yang menjadi ikon sekarang ni dia ada dua pintu kecil sebelah kiri dan kanan tu. Pintu yang kecil itu di sebelah kiri dan kanan pagar tu dikenali dahulunya sebagai pintu “pong”. Pintu “pong” ni adalah pintu pintu kecil maksudnya pintu kecil *okay* [baik] pintu pagar Istana Balai Besar yang kita lihat harini telah dibina, dibuat tukangnyanya saya tahu namanya adalah Nik Rashiddin Bin Nik Husien. Arwah ni telah meninggal dalam lima belas 15 tahun lepas, baru meninggal. Arwah Nik Rashiddin ni seorang tukang yang- yang terbaiklah pada masa itu berasal daripada Kampung Langgar di belakang bangunan Billion [Kota Bharu], Billion [Kota Bharu] *tu* [itu] di bahagian belakang *tu* [itu] namanya Allahyarham Nik Rashiddin Bin Nik Husien dia yang buat dua beradik dengan adiknya yang bernama Nik Rashidi Bin Nik Husien, Nik Rashidi masih ada dan sekarang menetap di Kampung Pantai Cahaya Bulan berhampiran dengan Perdana Resort tu dia masih ada lagi. Dan dia buat pintu gerbang itu sebagaimana pintu gerbang yang besar itu sebagaimana yang asal dan motif motif hiasan bunga ketumbik, ketam guri dan --- diambil dari motif motif yang asal pintu gerbang Istana Balai Besar.

**HF** : **Boleh saya tahu fungsi pintu yang kecil tu atau pintu “pong”?**

**DMS** : Untuk makluman awak semua pengkaji, *pintu “pong”* [pintu kecil] biasanya dibuka setiap hari untuk menjadi *access* [lalu] ataupun pintu masuk kepada pekerja dan juga penggunjung-penggunjung kerabat-kerabat berkunjung ke

Istana Balai Besar pada masa itu. Pintu besar ini hanya dibuka pada hari hari tertentu sahaja dan tidak dibuka setiap hari *okay* [baik]. Dia hanya menggunakan *pintu “pong”* [pintu kecil]. *Pintu “pong”* [pintu kecil] adalah pintu untuk keluar masuk.

**HF** : **Kalau hari kebiasaan tak buka lah pintu besar?**

DMS : Tak buka. Buka *pintu “pong”* [pintu kecil] sahaja kecuali tuanku sultan akan berangkat keluar barulah dibuka pintu besar. Untuk kerabat kerabat dan juga rakyat biasa ataupun pekerja pekerja di dalam istana buka *pintu “pong”* [pintu kecil] sahaja.

**HF** : **Boleh saya tahu kenapa nama pintu tu pintu “pong”?**

DMS : Itu adalah panggilan masyarakat Kelantan. *Pintu “pong”* [pintu kecil] ini adalah merupakan satu pintu *kecik* [kecil] yang berada di luar dan sekiranya untuk kegunaan pintu besar tu dia panggil pintu besar, pintu kecil tu dipanggil *pintu “pong”* [pintu kecil] *sebabtu* [sebab itu] jalan di belakang *ni* [ini] dikenali sebagai jalan *pintu “pong”* [pintu kecil] mengambil nama pintu *kecik* [kecil] yang berada di bahagian belakang dan untuk makluman semasa masuk tu saudara-saudara dapat lihat dia ada *tiga* [3] tiang dan juga *tiga* [3] buah butong, tembaga di atas. Untuk makluman, *tiga* [3] tiang dan juga *tiga* [3] butong itu menunjukkan itu adalah Istana Sultan. Kalau kerabat hanya boleh menggunakan *dua* [2] buah butong sahaja dengan *dua* [2] batang tiang di pintu gerbang. Untuk

rakyat biasa hanya boleh gunakan *satu* [1] buah butong dan *satu* [1] batang tiang sahaja. Itu menunjukkan, ini adalah menunjukkan perbezaan diantara bangunan itu didiami oleh sultan ataupun golongan bangsawan ataupun rakyat biasa. Jelas berbeza.

**HF** : Dari segi tiang tu diperbuat daripada apa?

DMS : Sekarang ni diperbuat daripada simen konkrit.

**HF** : Kalau zaman dahulu?

DMS : Zaman dahulu daripada kayu besar, - kayu besar, kayu cenggal jugak. Buah butongnya zaman dahulu diperbuat daripada kayu. Sekarang dibuat dengan tembaga.

**HF** : Dari segi hiasan, apakah hiasan yang digunakan di dalam istana?

DMS : Maksud hiasannya?

**HF** : Dari segi pokok-pokok?

DMS : Kalau dulu pokok-pokok yang ditanam di sekitar ini adalah merupakan pokok-pokok yang *local* [tempatan] lah, pokok tumbuhan tempatan biasanya pokok-pokok yang berbau wangi, pokok bunga tikar seladang ataupun keladang *okay* [baik], pokok bunga melur, pokok cempaka kuning, cempaka putih dan sebagainya. Ini adalah fungsinya adalah untuk dari segi bau bila musim

berbunga dia akan memberikan bauan dan sebagainya di sekitar.

**HF** : **Boleh saya tahu hiasan di singgahsana? Ceritakan serba sedikit.**

DMS : Untuk makluman singgahsana Istana Kelantan telah dibina pada tahun *sembilan belas dua puluh lima* [1925] semasa pemerintahan Almarhum Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad Ke IV. Istana, - singgahsana itu telah dibina oleh tukang Melayu Kelantan dan dibuat dari kayu cenggal batu yang diambil daripada kawasan Pasir putih jugak untuk yang digunakan semasa pertabalan Sultan Ismail dibuat oleh tukang tukang melayu dan motif motif hiasan pun adalah merupakan bunga-bunga melayu - dan dihiasi dengan darjah kebesaran iaitu dikir Kelantan ataupun darjah Alyunusi, darjah al Muhammadi dan juga darjah Al Ismaili ada dihias di atas singgahsana.

**HF** : **Boleh saya tahu perbezaan zaman dahulu dan zaman sekarang?**

DMS : Masih kekal yang asal. Tidak ada sebarang perubahan cuma ada tambahan yang kita tukar adalah hiasan dari segi kain kuning *tu* [itu] yang kita seringkali kena tukar lah sebab melalui faktor masa, rosak dan sebagainya itu sahaja. Yang lain dan karpet warna kuning yang di bahagian lantai *tu* [itu] kita tukar yang baru lah, itu seringkali rosak lah, yang *tu* [itu] kita tak dapat tentukan apabila ada *apani* [apa ini] ada kotor, rosak kita akan tukar lah.- Tetapi dari segi struktur tidak berubah lah.

**HF : Kalau daripada dari segi kerusi?**

DMS : Kerusi, dia,- ruangan itu boleh memuatkan *dua* [2] kerusi untuk, iaitu untuk sultan dan dan raja perempuan, *okay* [baik]. Tapi sekiranya ketiadaan raja perempuan hanya sultan sahaja yang akan *bersemayan* [duduk], duduk diatas singgahsana. Selain daripada sultan, tidak ada siapa yang boleh duduk, walaupun Tengku Mahkota Kelantan. Tengku Mahkota Kelantan masih tidak boleh berada diatas singgahsana.- Itu adalah peraturan.

**HF : Boleh ceritakan sedikit keadaan pada zaman dahulu di singgahsana tu, contohnya ditengah sultan, dan sebelah siapa yang duduk?**

DMS : *Ok* [Baik], semasa pemerintahan Almarhum Sultan Ismail, baginda tidak mempunyai permaisuri, *so* [jadi], baginda *bersemayan* [duduk], disitu hanya seoranglah, sultan sahaja. Lepas *tu* [itu] masa sultan Ibrahim pun, baginda *bersemayan* [duduk] hanya seorang sahaja, baginda mempunyai raja perempuan, tetapi baginda tidak membawa untuk berangkat sama dalam majlis-majlis, contohnya masa istiadat hari keputeraan dan sebagainya tidak bawak (Bunyi ayat Al quran di masjid), jadi baginda hanya, baginda Sultan Ibrahim sahaja yang duduk *semayan* [duduk] atas tu. Semasa Almarhum Sultan Yahya Petra, barulah baginda membawa Raja Perempuan Zainab II untuk berada sama diatas singgahsana *tu* [itu]. Selepas tu, Sultan Ismail Petra, dengan Raja Perempuan Tengku Anis juga--- (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : **Daripada segi ukiran, boleh terangkan serba sedikit tentang ukiran dinding?**

DMS : Ukiran dinding tu dia ada beberapa bentuk hiasanlah, ada yang berbentuk bulat, ada yang berbentuk, *apani* [apa ini], memanjang macam ni, ada yang bentuk menegak, dan ada hiasan-hiasan diatas, *apani* [apa ini], diatas pintu. Dan kita ada *satu* [1] lagi hiasannya adalah hiasan di bahagian,- kita panggil hiasan siku keluang. Siku keluang ini adalah dibahagian yang biasanya di bahagian antara, apa ini, siling dengan tiang. Dia ada hiasan di bahagian sini dipanggil siku keluang. Antara hiasan-hiasanya. (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : **Kenapa diberi nama siku keluang?**

DMS : Yang *tu* [itu] memang asal pun dikenali macam *tu* [itu] lah. Mungkin bentuknya, bentuknya begitu dan ada hiasan-hiasan, tu *that's why* [oleh sebabnya] dipanggil hiasan siku keluang. (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : **Kalau daripada segi ukiran, ada berapa jenis?**

DMS : Dari segi motifnya, yang saya tengok adalah motif bunga cina, motif bunga ketumbir,- dan juga -. Keempat-empat motif ini adalah motif yang popular di istana-istana di Kelantan dan juga di istana-istana di Pattani. (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : **Boleh tuan terangkan bagaimana proses untuk membuat ukiran dinding**

tu?

DMS : Dibuat secara tangan oleh tukang-tukang yang mahirlah tukang yang terbaik, dia,- biasalah, istana ini dia,- bila disebutkan istana perlu *satu* [1] benda yang sempurna, dan *ore* [orang] untuk membina istana ini biasa diambil daripada mereka-mereka yang terbaik di kalangan tukang-tukang, *ok* [baik] bila duduk dibawah sini buat kerja untuk hasilkan *satu* [1] hasil seni yang terbaik. Dibuat secara manualah dibuat dengan tangan, pada masa itu mesin-mesin belum-belum lagi digunakan secara meluaslah terutama sekali di Kelantan pada tahun *lapan belas empat puluhan* [1840-an] tu, memang tak adalah dibuat secara manual, tapi hasilnya adalah terbaiklah,- dan dikagumi oleh pengukir-pengukir pada masa itu.

**HF : Agak-agak berapa lama untuk satu ukiran tu?**

DMS : Itulah, dalam *satu* [1] tahun *tu* [itu] boleh siap sebab dia ramai tukang, tapi dibawah seliaan seorang ketua tukang. Ketua tukang inilah yang menentukan motif bunga apa yang perlu dibuat sebab dia tidak,- bunga-bunga hiasan itu tidak sama, ada beza. Yang ni beza sikit, yang ni beza sikit sebab dihasilkan oleh tukang yang beza dalam masa yang sama.

**HF : Boleh tahu berapa tukang?**

DMS : Tak pasti.



**HF** : **Memang banyakla.**

DMS : Ramai, ramailah.

**HF** : **Adakah ukiran tu kekal atau tidak?**

DMS : Masih kekal sampai hari ini.

**HF** : **Pada zaman dahulu hingga sekarang, agak-agak berapa tahun?**

DMS : Dah *lapan belas empat puluh lima* [1845] lah, dah lebih daripada *seratus tujuh puluh* [170] tahunlah, masih kekal. (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : **Boleh tuan ceritakan serba sedikit tentang rumah membuat bunga emas?**

DMS : Dalam Kawasan ni di bahagian kita panggil di sebelah hulu Istana Balai Besar *ni* [ini], ada satu bangunan yang sekarang ini kita telah jadikan surau. Sekarang ni masih ada, surau. Dulunya adalah, tu adalah tempat pertukangan emas, jangan sebut *specific* [terperinci] pada rumah bunga emas sahaja sebab rumah, apa ni, tempat pertukangan itu bukan khusus pada bunga emas sahaja tapi untuk barangan kemas untuk golongan diraja ni, yang untuk kerabat-kerabat diraja dihasilkan disitu, oleh tukang-tukang emas yang mahir, tukang-tukang emas Kelantan yang mana dia setiap hari dia *mari* [datang] dia akan bertukang di rumah- itulah, tempat-tempat pertukangan emas.- Dulunya sebelah tu pertukangan emas dan sebelah lagi adalah dijadikan surau. Sekarang ini, kerana faktor sudah tidak ada pertukangan emas lagi, *so* [jadi], kita dah ubah benda tu

menjadi *satu* [1] surau itu saja. Surau tu, dari segi kapasitinya lebih kurang lah 100 orang muatlah. Masih ada lagi. - Dan dulu, bukan sahaja tempat pertukangan pokok emas di bahagian belakang *tu* [itu], bahagian belakang berhampir sekarang ni Pasar Siti Khadijah, dulu adalah merupakan tempat kandang gajah raja dulu. Gajah ini merupakan pengangkutan utama pada masa itu, *so* [jadi] itu adalah merupakan tempat kandang gajah dan juga kandang kuda kepunyaan sultan. (Bunyi bacaan ayat Al quran di masjid).

**HF** : Selain daripada gajah dan kuda apa lagi haiwan yang sultan pelihara?

DMS : Pelihara, biasalah macam ayam apa sekitar itulah, ayam, burung-burung dikawasan istana – burung dan sebagainya.

**HF** : Pada zaman dahulu, apakah fungsi utama rumah pertukangan emas itu?

DMS : Untuk menghasilkan barangan kemas kepada sultan-sultan dan juga membuat bunga emas lah.

**HF** : Adakah betul bunga emas itu dihadiahkan kepada kerajaan Thailand?

DMS : Betul. Dia sejarah penghantaran bunga emas ke Thailand sebagai tanda hubungan diplomatik ini bermula pada tahun *lapan belas empat puluh lima* [1845] sebagaimana saya kata mulanya terbina istana balai besar, sebab berdasarkan kepada sejarah, istiadat yang pertama berlangsung di dalam istana balai besar ini adalah istiadat menerima surat sejabat ataupun surat sejabat ni

adalah surat pengiktirafan Raja Siam terhadap Sultan Muhammad ke-II sebagai Sultan Kelantan. *Ok* [baik]. Pada masa itu, pada tahun *empat puluh lima* [1845] *tu* [itu], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke-II telah menghantar menteri baginda iaitu Dato - Menteri ke Bangkok untuk mendapatkan surat pengiktirafan daripada Maharaja Siam, dan raja siam telah mengutuskan surat tersebut dan surat tersebut telah dibawa daripada Bangkok, ke Songkla ataupun Pattani di Songkla sekarang ini, di kawasan Hatyai, dengan kapal dan daripada sana dibawa dengan kapal ke Pengkalan Raja Muda di Penambang dan daripada Pengkalan Raja Muda, surat sejabat itu telah diarak menggunakan gajah bawa masuk ke dalam Istana Balai Besar, dan telah disambut dengan penuh adat istiadat diraja Kelantan. *Ok* [Baik], bermula daripada itu, setelah menerima surat pengiktirafan tersebut daripada Raja Siam, sebagai ucapan terima kasih dan juga sebagai membuktikan Kelantan dan Thailand mempunyai hubungan diplomatik, Sultan Muhammad Ke-II telah menitahkan untuk dihantar bunga emas kepada Thailand setiap *dua* [2] tahun sekali dan bunga emas itu dibawa kepada Pengkalan Raja Muda di Penambang *ni* [ini] dengan kapal-kapal daripada Kelantan ini dibawa untuk ke Bangkok bersama dengan hadiah-hadiah Iringan yang lain, kain songket dan sebagainya. Dan bunga emas daripada Kelantan dan daripada kedah dapat kita lihat di Istana besar di Bangkok dalam Thailand. Ada, masih ada.

**HF** : **Adakah terdapat pertukaran barang diantara kerajaan?**

DMS : Biasalah. Bila kita hantar barangan kemas dan sebagainya sebagai balasan Siam akan membalas hadiah daripada Raja Siam. Antaranya produk-produk daripada Thailand lah, sutera thai, *thai silk* [kain sutera Thailand], ataupun barang-barang banyak kita ada disimpan di galeri kita *ni* [ini] di istana negeri, apa *ni* [ini], perhiasan, bekas-bekas daripada emas yang dibuat oleh tukang-tukang Thailand. --- dan sebagainya, ada. Biasalah, bila kita bagi hadiah, - bagi hadiah kepada Thailand, Thailand akan membagi hadiah kepada kita.

**HF** : **Apakah bahan yang digunakan untuk membuat bunga emas?**

DMS : Emas tulen lah. Emas tulen dan juga benda-benda yang untuk pertukanganlah yang macam apa *ni* [ini], alat-alat pertukangan emas *tu* [itu] lah.

**HF** : **Boleh saya tahu siapa yang terlibat dalam membuat bunga emas tu?**

DMS : Yang tu kita tidak ada rekod tapi yang saya dapat secara lisannya tukang-tukang emas biasanya daripada Kubang Pasu yang biasanya golongan-golongan Nik di kubang pasu tu adalah merupakan tukang-tukang emas yang mahir. Nama tu kita tak ada rekod lah.- Sebab satu kelemahan kita melayu ni adalah lemah kurangnya dari segi *documentation* [dokumentasi]. Kita melayu ni hanya banyak hanya cakap saja, cara dari lisan daripada mulut ke mulut, apabila mereka meninggal tu, tidak dicatat, maka catatan tu hilang begitu saja. --- sistem penceritaan lisan daripada mulut ke mulut. (Bunyi bacaan ayat Al quran di

masjid).

**HF : Boleh saya tahu bagaimanakah reka bentuk seni bina rumah, rumah emas itu?**

**DMS : Boleh lihat sekarang *ni* [ini] lah, yang bentuknya bentuk perabung lima dan sebagainya. Samalah, bentuk sama.**

**HF : Diperbuat daripada?**

**DMS : Kayu.**

**HF : Adakah istana ini dimiliki penuh oleh kerajaan negeri atau kepunyaan sultan?**

**DMS : Setiap istana adalah diwartakan sebagai hak kesultanan. Jadi milik sultan lah.**

**HF : Adakah istana ini pernah mengalami kerosakan?**

**DMS : Kerosakan itu biasalah, tambah-tambah lagi kita kayu, bata senggora dan sebagainya tapi kita sentiasa membuat *maintenance* [penjagaan] ataupun penyelenggaraan secara berkala dan penyelenggaraan itu dikawal sendiri oleh pihak jabatan kerja rayalah, Jabatan Kerja Raya [JKR].---**

**HF : Pada waktu banjir, pernahkah istana ini mengalami kerosakan yang teruk?**

DMS : Tak pernah. Tak pernahlah. Mengalami kerosakan yang teruk *tu* [itu] *tak* [tidak]. Maksud teruk *tu* tidak melibatkan, kata runtuh sebahagian dan sebagainya, tidak adalah. Sebab kawasan ni agak terletak,- letaknya jauh sikit daripada sungai, dan dah bila dah berlakunya banjir pun aliran air tidak begitu deras, macam tahun *semilan belas sembilan puluh* [1990-an] *tu* [itu], masjid lama kita, masjid kampung laut *tu* pernah roboh sebahagiannya kerana berlaku banjir besar pada tahun *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997]. Kesan daripada *tu*, kesan daripada runtuh sebahagian *tu* [itu], masuk dalam sungai *tu* [itu], maka kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memindahkan daripada kampung laut kerana betul-betul terletak berhampiran dengan tebing sungai, dipindahkan ke Nilam Puri. dan sekarang ini kerajaan tengah mengusahakan untuk membawa kembali masjid kampung laut itu balik ke kampung laut.

**HF : Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi bencana alam?**

DMS : Tadilah, macam saya kata, kita bencana alam, kita di Kelantan ini bencana alam (batuk) yang paling besar adalah banjir saja, *so* [Jadi] kita tidak pernah berlaku gempa bumi dan sebagainya *so* [jadi], yang saya kata tadi, yang binaan konkrit yang dibina oleh Datuk--- dan berserta dengan konkrit *wall* [dinding] di sekelilingnya adalah merupakan langkah pencegahan kita untuk mengelakkan air daripada masuk kedalam Istana Balai Besar. Tu je lah, sebab kita tak ada puting, ribut ke, taufan ke, tak pernah berlaku lagilah.

**HF** : Adakah ada jabatan khas yang akan menguruskan istana ini jika berlaku bencana?

**DMS** : Kita pejabat sultan ni adalah sebagai pentadbir untuk istana ini, tapi dari segi pembaikan, semua pembaikan kita akan minta pandangan daripada pihak *JKR* [Jabatan Kerja Raya]. *JKR* [Jabatan Kerja Raya] adalah mereka yang bertanggungjawab untuk membuat, apa ni penyeliaanlah.

**HF** : Ok, soalan seterusnya. Pernahkah istana ini dipecah masuk oleh pihak yang tak bertanggungjawab seperti pencuri?

**DMS** : Setakat ini, tak pernah lagi. Tak pernah dimasuki kerana daripada dulu lagi kawalannya adalah ketatlah.- Dan dimaklumkan, bahawa *visitor* [pelawat] ataupun pengunjung-pengunjung tidak dibenarkan untuk melawat di Istana Balai Besar kecuali mendapat ampuni perkenan tuanku sultan.

**HF** : Maksud tuan, istana ini tidak dibuka untuk public?

**DMS** : Tidak. Kecuali dia membuat surat permohonan khas dan surat permohonan dia itu kita akan angkat sembah kepada tuanku, tuanku *mengampuni* [membenarkan] baru kita benarkan dia masuk tapi bila katalah untuk keraian-keraian semasa hari keputeraan dan sebagainya kita pastikan polis berkawal dengan kawalan yang ketat. (Bunyi azan)

## TAMAT BAHAGIAN 6

## BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN

**HF** : **Pada setiap tahun, apakah yang sering dilakukan disini?**

**DMS** : Yang utama sekali adalah Istiadat Penganugerahan Kehormatan Kebesaran Negeri. *Ok* [Baik]. *Tu* [itu] adalah acara tahunan kita dan yang terima datuk *tu* [itu] semua *tu* [itu] adalah pada hari berkenaanlah sekarang ini telah diubah ke *sebelas* [11] November setiap tahun. -- (Bunyi kereta). Kecuali, pada bulan November itu bulan Ramadhan, kita akan tukar ke satu tarikh baru, yang *diampuni* [dipersetujui] perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dan kita di Kelantan ini, untuk maklumannya kita hanya ada datuk sahaja. Datuk maksudnya, tidak ada datuk seri, tidak ada datuk paduka, tidak ada datuk wira. Di Kelantan ini, kita ada pembahagian dua, satunya gelaran kebesaran. Gelaran kebesaran ni terbahagi kepada dua, satunya kerabat bergelar, *ok* [baik], satu lagi adalah datuk bergelar. Contoh kerabat bergelar adalah contoh saya bagi adalah Tengku --- Perkasa, Tengku Maharani Putri, Tengku Seri Maharaja, Tengku Seri Jaya Raja, itu adalah gelaran kebesaran untuk kerabat. *Ok* [baik]. Dia tidak ada kebanggaan darjat, dia hanya ada skrol ataupun tauliah gelaran tersebut. *Ok* [baik]. Datuk dia ada,-- untuk kerabat bergelar kita ada kesemuanya dalam *dua puluh enam* [26] kerabat bergelar. Gelaran tu ada *dua puluh enam* [26], pengisian tu atas *ampuni perkenan* [keizinan] tuanku. *Ok* [Baik]. Untuk Datuk Bergelar kita ada dalam lima *puluh dua* [52] Datuk Bergelar, gelar-gelaran *tu* [itu] contoh saya bagi Datuk Bergelar adalah Datuk



Seri Paduka Raja, Datuk Bentara Kanan, Datuk Bentara Kiri, Datuk Bentara Dalam, Datuk Bentara Istana, Datuk Kaya Setia, Datuk Kaya Muda, Datuk Kaya Budi, tu adalah contoh-contoh saya bagi, contoh-contoh gelaran. Satu lagi adalah darjah kebesaran, darjah kebesaran ini adalah berbentuk ketandaan. Dianya terbahagi kepada *tiga* [3], iaitu darjah kebesaran, yang *kedua* [2] adalah bintang-bintang Kelantan, yang *ketiga* [3] adalah pingat-pingat. Untuk darjah kebesaran, kita ada *tujuh* [7] darjah kebesaran. Yang pertamanya adalah darjah kerabat diraja Kelantan ataupun Al-Yunusi. Yang *kedua* [2] kita ada darjah kebesaran Al-Muhammadi, yang *ketiga* [3] kita ada darjah kebesaran Al-Ismaali, yang *keempat* [4] kita ada darjah kebesaran Al-Petrawi, Al Petrawi ni adalah khusus untuk tentera sahaja. Lepas itu yang *kelimanya* [5] adalah darjah kebesaran Al-Ibrahimi, yang *keenam* [6] darjah kebesaran Al-Petrawi, Al-Petrawi *ni* [ini] adalah untuk pasukan beruniform selain daripada tentera. Maksud saya polis, bomba, kastam, JPJ [Jabatan Pengangkutan Jalan] dan sebagainya, yang beruniform selain daripada itu akan menerima darjah kebesaran Al-Petrawi. *Ok* [Baik], *lepasitu* [Selepas itu] *satu* [1] lagi yang *keenam* [6] adalah darjah kebesaran pahlawan yang gagah perkasa PYGP, tu adalah darjah kebesaran. Yang *kedua* [2] adalah bintang-bintang. Kita Kelantan mempunyai *tiga* [3] bintang, iaitu yang *pertamanya* [1] adalah Bintang Seri Mahkota Kelantan [SMK], yang kedua adalah Bintang Seri Kelantan [SK] dan yang *ketiga* [3] adalah Bintang Ahli Kelantan [AK]. Pingat Kelantan ini mempunyai *empat* [4] pingat iaitu yang *pertamanya* [1] adalah Pingat Setia,

Pingat Bakti [PB], yang *kedua* [2] adalah Pingat Setia Mahkota Kelantan [PS], yang *ketiga* [3] adalah pingat taat [PT], yang *keempat* [4] adalah pingat --- ataupun [PTB]. *Ok* [Baik], tu adalah darjat-darjat. Dan setiap tahun tuanku boleh mengurniakan kepada mana-mana individu, yang telah menunjukkan jasa dan bakti kepada negeri selaras dengan perkara *empat puluh empat* [44] Undang-Undang Tubuh Perlembagaan Kerajaan Negeri Kelantan bahagian yang *kedua* [2] mengatakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh mewujudkan gelaran kebesaran dan darjah-darjah kebesaran dan baginda boleh mengurniakan kepada sesiapa sahaja yang baginda *ampuni perkenan* [ingin] atas, melihat kepada jasa-jasa yang diberikan kepada negeri.

**HF** : **Bagaimanakah istana ini menyumbang kepada negeri Kelantan dan negara?**

**DMS** : Dia kita dapat lihat dengan wujudnya istana, maka wujudnya bandar. Bandar Kota Bahru ini telah berkembang menjadi ibu negeri Kelantan kerana wujudnya Istana Balai Besar dan kita lihat peranan sultan kepada agama dan kepada orang-orang melayu dimana sultan adalah ketua agama dan sultan adalah mengikut pelembagaan sultan akan bertindak untuk menjaga hak-hak keistimewaan orang melayu.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8: PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

**HF** : **Apakah pandangan masyarakat terhadap istana ini?**

**DMS** : Masyarakat ini, terutama sekali masyarakat Melayu Kelantan bahkan masyarakat bukan melayu di Kelantan ini begitu menyanjung tinggi raja-raja melayu ini. Dengan menyanjung tinggi dan memberi penghormatan sepenuhnya kepada Kesultanan Melayu Kelantan. *Ok* [Baik]. Mungkin disebabkan oleh hubungan yang baik diantara golongan diraja dengan masyarakat, rakyat biasa. Sentiasa ada aktiviti-aktiviti, yang untuk mengeratkan hubungan yang berhormat tuanku dengan hubungan rakyat biasa.- Dan setiap mereka yang menerima anugerah daripada tuanku dan mereka menganggap anugerah yang diterima itu adalah satu penghargaan kepada diri dia. Iaitu bila kita dapat terima, tak kiralah sama ada membawa gelaran datuk ataupun tidak membawa sebarang gelaran tetapi itu adalah merupakan satu penghargaan dan dimana darjah ataupun bintang ataupun pingat yang kita terima tu kita akan pakai pada hari keputeraan.

**HF** : **Boleh saya tahu, macam mana dari segi penilaian, untuk mendapat, pingat kebesaran?**

**DMS** : Dia ada *satu* [1] jawatankuasa yang dipengurusikan oleh yang berhormat Datuk Seri Setia Sultan Kerajaan Negeri. Dia akan hantar dan dia akan dalam borang pencalonan itu dinyatakan jasa-jasanya kepada negeri, apa sumbangan dia kepada negeri, sama ada sumbangan dia dalam sukan, dalam NGO [Persatuan

Bukan Kerajaan], dalam perkhidmatan awam dan sebagainya. Dia akan nyatakan dia punya jasa-jasa *tu* [itu]. Dan pihak jawatankuasa itu akan mempertimbangkan, dia ada jawatankuasa dia akan melihat dan menilai jasa-jasa *tu* [itu] betul tak betul, sekiranya itu dia akan membuat *pemasyuran* [pengumuman] dan diangkat sembah kepada tuanku tapi kata putusnya atas *ampuni perkenan* [persetujuan] tuanku jugak.

**HF** : Adakah media elektronik pernah membuat liputan disini?

DMS : Pernah.

**HF** : Contohnya?

DMS : Contohnya semasa tuanku nak berangkat untuk pertabalan sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke-15, haritu, ada liputan daripada,- saya pernah di *interview* [ditemubual], ditemuramah oleh TV3, RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan sebagainya berkenaan dengan Istana Balai Besar, sejarah Istana Balai Besar, berkenaan dengan sejarah kesultanan Kelantan sendiri, berkenaan dengan pakaian diraja Kelantan dan untuk makluman, pakaian diraja Kelantan ini mempunyai beza diantara *satu* [1] negeri dengan negeri yang lain, dari segi baju, baju yang dipakai, baju melayu itu sama tapi tanjak, ataupun tengkolok itu berbeza. Macam di Kelantan ini kita tidak panggil ianya sebagai tanjak ataupun tengkolok. Kita di Kelantan ini kita panggil namanya adalah setangan dan bentuk solekan itu adalah berbeza mengikut

negeri-negeri sendiri. Contohnya di Pahang, dipanggil Lang Menyusur Angin, di Selangor Balur Raja, di Perak, dia ada gaya tak silap saya adalah Lang Patah Kepak, itu nama masing-masing. Di Kelantan nama solekan, tanjak itu adalah Getang Budu.

**HF** : **Getang budu?**

**DMS** : Getang budu. Itu adalah nama dia.

**HF** : **Memang specific?**

**DMS** : Specific untuk Kelantan. Kalau di negeri Sembilan, tanjak tu dikenali *dendam tak sudah*. Bentuk solekan itu dikenali sebagai *dendam tak sudah* dan Kelantan satu-satunya negeri yang mempunyai tanjak yang bertutup penuh. Dia bertutup penuh. Macam di negeri-negeri lain di Pahang dia terbuka, hanya bahagian depan dan dibahagian atas ini akan menampakkan rambut kita.

**TAMAT BAHAGIAN 8**

## BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN

**HF** : **Bolehkah tuan beritahu apakah harapan istana ini kepada negeri Kelantan?**

**DMS** : Dari segi pengharapan, terutama sekali kepada rakyatlah, dan terutama sekali kepada rakyat yang generasi-generasi muda supaya mereka perlu mengetahui tentang sejarah kesultanan, perlu mengetahui tentang apakah peranan raja-raja telah dimainkan oleh Raja-Raja Melayu, untuk masyarakat melayu, untuk rakyat melayu dan juga perananan raja-raja mainkan ketua agama islam, dan kita perlu untuk generasi yang seterusnya, generasi yang baru ini perlu tahu tentang adat istiadat diraja dan perlu mengetahui tentang kesenian dan sebagainya yang berkaitan dengan Raja-Raja Melayu. Ini merupakan satu perkara yang saya lihatlah, generasi-generasi baru telah lupa dan telah hilang dan maka timbul lah perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku pada hari inilah. Dan, *apani* [apa ini], selain daripada itu kerajaan juga perlu memainkan peranan yang penting dan besar untuk memastikan kesetiaan rakyat terhadap raja itu, dapat terus dikekalkan bahkan perlu dipertingkatkan lagi untuk generasi-generasi baru.

**HF** : **Apakah harapan tuan agar istana ini meningkatkan pengurusan sedia ada?**

**DMS** : Setakat ini pengurusan yang kita buat *tu* [itu] saya rasa dah yang terbaik cuma kita dari segi harapan kita nya adalah untuk generasi-generasi yang seterusnya kita perlu kekalkan bangunan yang sedia ada, cuma kita hanya membuat

penyelenggaraan saja, sebab bagi saya Istana Balai Besar ini adalah merupakan ikon ataupun satu monument Melayu Kelantan yang masih ada untuk menjadi tatapan generasi yang akan datang. Kita tidak ada monument macam *coloseum* di Rome [Itali], macam piramid di mesir, tapi ini sebenarnya kita tidak nampak generasi baru tidak nampak benda itu mempunyai *satu* [1], kita tak nampak benda-bendatu, untuk pergi tengok Menara Eiffiel di London, di Perancis *sorry* [maaf], di *France* [Perancis]. Tu kita nampak, kita lebih mengagungkan benda yang luar, sebab kita juga memiliki satu ikon ataupun satu monument kita sendiri yang patut kita hargai. Kita sebagai melayu terutama sekali Melayu Kelantan perlu hargai apa yang ditinggalkan oleh datuk nenek kita. Yalah, dari segi harapannya.

**HF** : **Apakah harapan tuan yang, boleh pihak istana lakukan, untuk penambahbaikan istana ini?**

**DMS** : *So far* [Setakat ini], kita pun telah membuat perancangan terhadap benda,-- *So far*, tidak ada apalah cuma kita perlu membuat penyelenggaraan secara lebih kerap lagi untuk memastikan bangunan kita ada ini dapat, berfungsi dengan baik dan tidak ada sebarang kerosakan-kerosakan yang boleh menjejaskan bangunan ini sendiri.

**HF** : **Apakah pesanan tuan kepada rakyat tentang peranan istana ini, sendiri?**

**DMS** : Kita perlu melihat sejarah kerana sejarah ini adalah merupakan satu benda yang-

yang akan menjadi satu rujukan kita untuk ke depan. Kita lihat bagaimana penghargaan ataupun sokongan rakyat zaman dahulu *tu* [itu] kepada raja-raja, *ok* [baik]. *So* [Jadi], diharapkan bila kita belajar dan kita memahami sejarah supaya kita dapat bawa ketaat setiaan kita itu ditahap zaman dulu untuk kezaman hadapan. Yang saya yakinlah pada hari ini ketaatan dan kesetiaan kepada raja itu agak terhakis sekarang ini. Walaupun tidak terhakis teruk tapi ke arah penghakisan itu berlaku. Tapi kita perlu belajar balik, tengok balik sejarah kita supaya kita nampak apakah peranan-peranan yang telah dimainkan oleh raja-raja yang sehingga kita melayu dapat hidup dengan aman pada hari ini. Kita dapat menyebarkan islam, kita dapat mengamalkan islam hasil daripada peranan raja-raja melayu.

**HF** : **Apakah harapan tuan untuk mendapat sambutan rakyat Kelantan ke istana ini?**

**DMS** : Sekarang *ni* [ini] kita pun dah,- kita galakkan pelajar-pelajar sekolah datang melawat tapi oleh kerana istana ini satu kawasan larangan, kita perlu mempunyai satu *SOP* [Standard Operational Procedure] lah, ok. Satu standard of procedure ataupun satu peraturan dimana pihak sekolah tu, sekarang ni hampir dalam setahun itu, dalam *tujuh* [7], *lapan* [8] ataupun *sepuluh* [10] buah sekolah dah ada lawatan. *So* [Jadi], dia sekolah itu dia buat surat secara rasmi, memohon untuk melawat dan kita angkat sembah kepada tuanku, bila tuanku *ampuni* [memberi kebenaran] baru kita bawa masuk dan baru dalam *dua* [2]



minggu lepas, ada lawatan dari sekolah dan saya haraplah pihak-pihak sekolah boleh mohon untuk melawat, Istana Balai Besar, sebab kita boleh beri pendedahan tentang melihat tentang sejarah kesultanan dan juga sejarah Istana Balai Besar dan secara tidak langsung kita mengkaji sejarah Kota Bharu itu sendiri.

**HF : Apakah aktiviti tuan rasa perlu dilakukan di istana ini untuk dapatkan ramai pengunjung, untuk berkunjung ke istana ini?**

**DMS :** Itulah, dari segi aktiviti kita tidak dapat buat aktiviti sebab istana ni adalah satu kawasan larangan yang kita tidak boleh benarkan sebarang orang masuk sebab ini ada sekatan di istana, kita tidak boleh buat *public* [terbuka]. Yalah, mungkin kita ke arah, kita pun,- saya dengan,- cuba telah berbincang dengan pihak Universiti Malaysia Kelantan dan tapi cadangan ini masih belum *disembah maklum* [diberitahu] kepada tuanku lah, kita nak buat *digitalize* [digital] pula supaya mereka-mereka yang tidak berpeluang masuk ke Istana Balai Besar dapat menyaksikan yang ada dalam Istana Balai Besar secara digital ataupun secara melalui media massa. Mungkin kita akan masukkan dalam *website* [laman web] kita dalam proses perancangan kitalah dengan hasil dengan kepakaran pihak-pihak UK [Universiti Kelantan] kita akan buat. Ini setiap *part* [bahagian] itu kecuali bahagian-bahagian tertentu yang kita tidak boleh siarkan kalau bahagian ni kita boleh umum kita tunjuk katalah mereka-mereka yang berada di luar negara kita sekali pun, bila tengok apakah singgahsana di

Kelantan, ni singgahsana, *ok* [baik], ini adalah *decoration* [hiasan] ataupun darjah-darjah kebesaran di Kelantan, ini adalah *setting* [ubahan] dalam istana, *tu ja* [itu sahaja]. Kita kearah tu lah dan diharapkan dengan,- sekiranya *diampuni perkenan* [mendapat keizinan] oleh tuanku, dan benda ini menjadi realiti, benda ini akan dapat memberi peluang kepada bukan kepada masyarakat di Kelantan, tetapi masyarakat di seluruh dunia untuk dapat tengok secara digital Istana Balai Besar.

**HF** : Soalan terakhir saya, apakah nasihat tuan yang perlu diberikan kepada rakyat untuk mereka hadir ke istana ini?

**DMS** : Dia sekiranya mereka rakyat-rakyat dijemput untuk hadir ke istana, mereka perlu mematuhi protokol yang telah ditetapkan contohnya dari segi pakaian, dari segi selain daripada pakaian, tertib semasa menghadiri majlis ini juga perlu dipatuhi, sebab istana ini kita tidak boleh,- bahkan orang masuk sembarangan. Contohnya masuk semasa hari keputeraan, kita telah tetapkan mereka-mereka jemputan yang terhad untuk memakai pakaian kebangsaan ataupun baju melayu hitam sepasang bersamping hitam berbenang emas, bersongkok. Datang tidak mengikut pakaian itu kita tidak dapat membenarkan mereka masuk. Kita suruh dia tukar ataupun sekiranya dia tidak tukarkan, kita tidak benarkan masuk, mintak dia balik sebab dia perlu patuhi protokol. Sebab sekiranya kita benarkan masuk tanpa mematuhi protokol maka kita merendahkan taraf majlis. Dan terutama sekali majlis tu majlis istana. Yang mana majlis di istana ini adalah

majlis penuh istiadat yang taraf protokol adalah tinggi.

**HF** : **Boleh tuan bagi kesimpulan untuk mengakhiri temubual pada hari ini?**

**DMS** : Ok, secara kesimpulan, saya ingin rumuskan didalam istana balai besar itu kita ada peralatan-peralatan kebesaran yang berada di dalam itu. Ok. Yang pertamanya kita ada perahu Petanda Indra Seri Kelantan. Perahu Petanda Indra Seri Kelantan ini adalah sebuah perahu yang telah di buat oleh tukang-tukang melayu Kelantan semasa pemerintahan Almarhum Sultan Mansur dan perahu itu pernah sekali sahaja dibawa turun ke sungai untuk digunakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad IV. Selepas itu, dibawa naik dan tidak lagi dibawa turun dan perahu itu di,- kita letakkan di dalam Istana Balai Besar dan itu adalah merupakan satu monumen melayu yang terbaik untuk dikaji. Ok, kita terdapat *dua* [2] buah perahu kesultanan Kelantan, satu lagi adalah perahu Petalawati Seri Kelantan. Perahu Petalawati Seri Kelantan sekarang diletakkan di Muzium Istana Jahar ini, ada siapa-siapa pun boleh saksikan, dan disamping itu, kita ada *dua* [2] buah lagi perahu. *Dua* [2] perahu pengiring yang dikenali dengan nama tudung selar. Setiap kali perahu ataupun perahu diraja itu turun ke sungai dia perlu diiringi oleh *dua* [2] buah perahu tudung selar, sekarang ini ada dalam simpanan kita di dalam Istana Balai Besar. Selain daripada itu, kita simpan gendang besar perak diraja. Kita ada dua buah gendang besar diraja iaitu gendang ibu dan gendang anak, kita ada gong besar, gong ibu dan gong anak, kita ada *satu* [1] rembau, *dua* [2] serunai, tu adalah

*instrument* [peralatan] untuk gendang besar. Untuk makluman semua, kita beza. Di Kelantan ini kita tidak ada pasukan nobat. Di negeri-negeri lain di Malaysia keseluruhannya mempunyai pasukan nobat tapi kita di Kelantan ini adalah Pasukan Gendang Besar Diraja. Nobat, *instrument* [peralatan] untuk nobat dan *instrument* [peralatan] untuk gendang besar berbeza. Dari segi lagu, untuk Pasukan Gendang Besar Diraja ini terdapat *empat* [4] lagu yang utama iaitu yang *pertamanya* [1] lagu paluan lagu tu, paluannya nama lagu tu adalah ‘seri istana’, yang *kedua* [2] ‘seri Kelantan’, yang *ketiga* [3] ‘raja berangkat’ dan yang *keempat* [4] adalah lagu ‘raja bertabal’. Lagu raja bertabal ini hanya dimainkan semasa pertabalan Sultan Kelantan sahaja. Ok, itu adalah gendang. Seterusnya, kita ada di dalam Istana Balai Besar juga kita ada alat-alat kebesaran ataupun regilia di dalam tu. Kita ada didalam itu kita ada bendera istiadat, ada bendera tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke V, ada bendera tubuh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, ada payung kuning payung, payung kebesaran Kebawah Dulu Yang Maha Mulia Sultan, Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota, kita ada cogan alam, cogan agama, cokma, dan juga lembing. Dan kita ada balai besar. Dan selain daripada tu alat-alat seperti keris lembing keris, pedang kita simpan didalam bilik kebal.- Tu sajalah secara rumusan dan untuk maklumanya, Istana Balai Besar ini adalah satu bangunan yang pada saya mempunyai satu nilai sejarah tinggi terutamanya kepada masyarakat Kelantan, Melayu Kelantan dan Istana Balai Besar ini adalah merupakan *satu* [1] tempat rujukan untuk golongan-golongan baru, untuk

memahami tentang sejarah kebudayaan dan juga kesenian Kelantan. Tu sajalah, dan saya akhirilah.

**HF** : Demikian tadi temubual mengenai sejarah dan pengalaman dan sumbangan dr. Mohammed Safaruddin Bin Ismail mengenai pengalaman beliau sebagai Pegawai Protocol Pejabat Sultan Kelantan menguruskan Istana Balai Besar yang ditubuhkan pada tahun *lapan belas empat puluh empat* [1844] hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini, memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

**DMS** : Ok, terima kasih.

**TAMAT BAHAGIAN 10**

# **RUJUKAN**

# RUJUKAN

Dr Mohammed Safaruddin bin Ismail (2019, April, 25) Personal Interview Muhammad Harif

Fazillah Mohd Said (2019, April, 25) Personal Communication

# **SENARAI SOALAN**



## **A. LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh tuan?
2. Apakah gelaran tuan?
3. Dimanakah tuan dilahirkan?
4. Apakah tarikh tuan dilahirkan?
5. Dimanakah tuan dibesarkan?
6. Dimanakah tuan tinggal sekarang?
7. Apakah nama ibu dan bapa tuan?
8. Berapakah bilangan adik beradik tuan?
9. Tuan anak yang ke berapa?

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

1. Apakah taraf pendidikan tertinggi tuan?
2. Dimanakah tuan mendapat pendidikan tertinggi?
3. Apakah tahun tamat pendidikan tertinggi tuan?

## **C. KERJAYA TERKINI**

1. Apakah pekerjaan tuan?
2. Apakah jawatan tuan?
3. Dimanakah tuan bekerja?
4. Sejak bilakah tuan bekerja?
5. Sudah berapa lama tuan bekerja?

6. Apakah perasaan tuan ketika bekerja disini?
7. Jika ada, apakah pekerjaan tuan yang lain?
8. Apakah perkaitan tuan dengan istana balai besar?

#### **D. SEJARAH BANGUNAN**

1. Boleh saya tahu mengapakah Istana ini ditubuhkan?
2. Apakah nama Istana ini semasa awal penubuhan?
3. Bilakah Istana ini ditubuhkan?
4. Sultan manakah pengasas pertama Istana ini?
5. Siapakah yang membina Istana ini?
6. Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan Istana ini?
7. Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan Istana?
8. Dimanakah lokasi sebenar Istana ini?
9. Boleh saya tahu tentang pemilihan nama Istana Balai Besar?
10. Siapakah yang merasmikan Istana ini?
11. Bilakah tarikh perasmian Istana ini?
12. Pada tahun berapakah Istana ini boleh digunakan?
13. Berapakah keluasan tapak Istana ini?
14. Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan Istana?
15. Apakah nama penuh bagi Istana pada masa kini?
16. Mengapakah nama tersebut dipilih?
17. Berapakah kos penubuhan bangunan tersebut?
18. Apakah fungsi utama Istana ini pada awal penubuhan?

19. Boleh saya tahu fungsi bangunan ini pada masa kini?
20. Adakah terdapat perbezaan fungsi antara awal penubuhan dan pada masa kini?
21. Adakah terdapat misi dan visi untuk dicapai oleh Istana ini?
22. Apakah Misi dan visi istana ini?
23. Mengapakah kawasan ini dipilih?
24. Apakah kawasan sebenar sebelum pembinaan Istana ini?
25. Berapa lamakah masa diambil untuk menyiapkan bangunan ini?
26. Adakah terdapat kesukaran atau masalah yang dihadapi ketika menubuhkan Istana?

#### **E. REKA BENTUK BANGUNAN**

1. Apakah konsep reka bentuk bangunan ini?
2. Konsep pembinaan Istana berasaskan apa?
3. Apakah pengaruh seni bina bangunan ini?
4. Adakah terdapat unsur unsur dalam Islam?
5. Adakah Istana ini mempunyai rekaan tersendiri?
6. Adakah Istana ini dibina berasaskan kayu dan papan sahaja?
7. Apakah reka bentuk yang digunakan oleh bangunan Istana ini pada awal penubuhan?

8. Bagaimanakah cara pembinaan Istana ini?
9. Adakah pembinaan Istana ini menggunakan khidmat rakyat tempatan ?
10. Adakah pembinaaan Istana ini menggunakan buruh?
11. Jika terdapat buruh , boleh nyatakan buruh berasal daripada negara mana?
12. Apakah keistimewaan yang terdapat pada Istana ini?
13. Mengapakah ia menjadi keistimewaan di Istana ini?
14. Adakah Istana ini telah diubahsuai?
15. Apakah penambahbaikan yang dilakukan di Istana?
16. Adakah bangunan tersebut kekal teguh?
17. Adakah bangunan tersebut terpelihara keaslian bentuknya?

#### **F. MAKLUMAT LAIN BANGUNAN**

1. Berapakah ruangan yang terdapat dalam Istana ini?
2. Boleh saya tahu setiap fungsi ruangan yang ada di Istana ini?
3. Berapakah kos pembinaan Istana ini?
4. Berapakah kos perbelanjaan untuk Istana ini setiap bulan?
5. Siapakah ahli jawatankuasa tertinggi di Istana ini?
6. Mengapakah beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi?
7. Boleh saya tahu tugas tugas ahli jawatankuasa ini?
8. Berapa ramai petugas yang bertugas mengendalikan Istana ini?

9. Bagaimanakah pembayaran gaji dilakukan?
10. Adakah pembayaran gaji dilakukan mengikut pangkat?
11. Adakah perkhidmatan yang disediakan di Istana ini?
12. Selain perkhidmatan yang disediakan Istana, adakah terdapat fasiliti dan bangunan lain yang terdapat di Istana?
13. Adakah Istana ini dimiliki penuh oleh kerajaan negeri atau kepunyaan Sultan?
14. Adakah Istana ini pernah mengalami kerosakan?
15. Sila nyatakan kerosakan yang pernah dialami?
16. Adakah Istana ini dibuka untuk pelawat?
17. Pada pukul berapa pelawat dibenarkan untuk melawat bangunan ini?
18. Berapakah jumlah pengunjung yang boleh dimuatkan dalam Istana ini pada satu masa?
19. Berapa ramai anggaran pengunjung yang datang ke Istana pada setiap hari?
20. Pada waktu manakah bilangan pengunjung datang ke Istana paling ramai?
21. Pernahkah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan Istana ini?
22. Pernahkah Istana ini mengalami kerosakan yang teruk ketika bencana alam berlaku?
23. Adakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika bencana alam berlaku?
24. Siapakah yang menguruskan Istana jika berlaku bencana?
25. Pernahkah Istana ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau lain-lain faktor yang berkaitan?

26. Bagaimanakah pihak Istana menguruskan petugas-petugas di Istana ini bagi menjalankan kerja dengan teratur?
27. Pernahkan Istana ini dipecah masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti pencuri?

## **G. AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN**

1. Apakah aktiviti yang diadakan di istana ini?
2. Pada setiap tahun, apakah yang sering dilakukan oleh pihak istana?
3. Apakah perkhidmatan yang diadakan di istana ini?
4. Bagaimanakah istana ini menyumbang kepada negeri kelantan dan negara?

## **H. PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

1. Apakah pandangan masyarakat terhadap istana ini?
2. Apakah anugerah yang diterima oleh istana ini?
3. Adakah media elektronik pernah membuat liputan disini?
4. Bolehkan tuan beritahu bagaimana istana ini mendapat perhatian media elektronik?

## I. PESANAN DAN HARAPAN

1. Bolehkah tuan beritahu apakah harapan istana ini kepada negeri kelantan?
2. Bolehkah tuan beritahu apakah harapan istana pada masa akan datang?
3. Bolehkah tuan beritahu harapan tuan menjadi simbolik rakyat?
4. Apakah harapan tuan terhadap istana bagi mendapat banyak penganugerahan?
5. Apakah harapan tuan agar istana ini meningkatkan pengurusan sedia ada?
6. Apakah harapan tuan yang boleh menambah-baikkan istana ini?
7. Apakah pesanan tuan kepada rakyat tentang peranan istana ini?
8. Apakah pesanan tuan kepada generasi akan datang yang akan menjaga istana ini?
9. Apakah harapan tuan untuk mendapat sambutan rakyat kelantan ke istana ini?
10. Apakah nasihat tuan yang tuan harap disampaikan kepada pengurusan istana?
11. Apakah nasihat tuan kepada rakyat untuk mendapatkan sambutan rakyat ke istana?
12. Apakah cadangan tuan untuk mendapatkan ramai pengunjung ke istana?
13. Apakah nasihat tuan yang perlu diberikan kepada rakyat untuk mereka hadir ke istana?
14. Apakah aktiviti yang tuan rasa perlu dilakukan untuk mendapatkan ramai pengunjung untuk berkunjung di istana ini?

# **LOG WAWANCARA**



# LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
00:00-00:43	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad Harif Fazillah Bin Mohd Said</li> <li>• Mohammad Nor Rafiq Bin Rozimi</li> </ul>
00:48-02:24	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail</li> <li>• Pelajar PHD dalam bidang Pengurusan</li> <li>• Bandar Kota Bharu</li> <li>• 17 Jun 1970</li> <li>• Jalan Hospital Kota Bharu</li> <li>• Nama ibu saya adalah Tengku Muziah binti Tengku Mohammad</li> <li>• Nama bapa saya adalah Ismail bin Daud</li> <li>• Mempunyai 3 adik beradik</li> <li>• Anak ketiga</li> </ul>

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

02:26-04:00	Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"><li>• PHD</li><li>• 2018</li><li>• Tunggu masa</li><li>• Budaya organisasi, politik organisasi dan kepuasan bekerja ke arah mempengaruhi pembangunan, pembangunan organisasi dalam sektor awam</li><li>• Ijazah Sarjana</li><li>• 2007</li><li>• Pentadbiran Perniagaan</li><li>• Universiti Utara Malaysia</li><li>• Universiti Malaysia Kelantan</li><li>• Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan</li></ul>
-------------	--------------------	--

**BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI**

04:05-09:00	Kerjaya terkini	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai Protokol</li><li>• Pejabat Sultan Kelantan</li><li>• 10 tahun</li><li>• Hampir keseluruhan jawatan</li></ul>
		<ul style="list-style-type: none"><li>• 2009-2019</li><li>• Perkhidmatan awam (1993)</li><li>• 10 tahun</li><li>• Saya minat tentang sejarah Kelantan dan saya juga adalah seorang pengumpul barangan-barangan artifak-artifak kesenian Kelantan</li><li>• Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan</li><li>• Leftenan Komander Kehormat untuk pasukan simpanan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)</li></ul>

#### BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN

09:08-21:25	Sejarah bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dibina semasa pemerintahan Almarhum Sultan Muhammad Ke II</li><li>• Baginda telah memerintah di Istana Kota Lama ataupun dulunya dikenali sebagai Pulau Saba' di kawasan Kampung Sireh .</li><li>• Awal-awal ditubuhkan dahulunya dikenali sebagai Istana Kota Bharu</li><li>• Dibina pada tahun 1844</li><li>• Sultan Muhammad ke II juga dikenali sebagai Sultan Muhammad Mulut Merah</li><li>• Keseluruhan kawasan tapak yang berpagar ni adalah 4 ekar</li><li>• Istana Balai Besar daripada awal penubuhan ia adalah berfungsi sebagai istana tempat persemayaman ataupun tempat tinggal dan juga dimana tempat</li></ul>
-------------	------------------	--

		<p>segala adat istiadat yang melibatkan raja-raja dilangsungkan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hampir keseluruhan istana ini menggunakan kayu cenggal</li><li>• Gajah</li></ul>
--	--	--

## BAHAGIAN 5: REKA BENTUK BANGUNAN

22:00-36:20	Reka bentuk bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Reka bentuk melayu Kelantan</li><li>• Melayu Pattani</li><li>• Dinding janda berhias, janda ria</li><li>• Pengaruh China</li><li>• Arab</li><li>• Barat</li><li>• Islam</li><li>• Bilik Majlis</li><li>• Ruangan Perubatan</li><li>• Mempunyai 299 batang tiang</li><li>• Tukang Melayu</li><li>• Tok kweng</li><li>• Tempat adat istiadat</li><li>• Penyelenggaraan yang berterusan</li><li>• Bentuk kita kekal dan pelihara sepertimana yang asal</li></ul>
-------------	----------------------	---

**BAHAGIAN 6: MAKLUMAT LAIN BANGUNAN**

36:23-01:16:25	Maklumat lain bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Istana ini dibawah Pejabat Sultan Kelantan</li><li>• Pengelola Istana Diraja lah- yang bertanggungjawab secara langsung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan lah</li><li>• 20 pekerja</li><li>• Jemure basoh ni adalah satu kawasan yang hanya mempunyai lantai sahaja</li><li>• 100 kaki</li><li>• Bahagian istana itu adalah satu ruangan yang mana dikhususkan pada untuk Tuanku Sultan dan keluarga rapat sahaja</li><li>• Istana Jahar ini dibina oleh Sultan Muhammad III sebagai hadiah kepda cucunda baginda</li></ul>
----------------	------------------------	--

		<ul style="list-style-type: none"><li>• Masjid Muhammadi memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan menjadi satu pusat yang penting untuk menjadi tempat penyebaran agama Islam</li><li>• Batu Singgora</li><li>• Ketinggian pagar dalam lebih kurang dalam lima belas kaki daripada aras</li><li>• Che Muhammad Bin Che Ali seorang tukang yang tukang melayu yang berasal daripada Kampung Kangkong, Pasir Mas</li><li>• Pintu Pong</li></ul>
--	--	--



**BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN**

01:16:29-01:22:45	Aktiviti Dan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Istiadat Penganugerahan Kehormatan Kebesaran Negeri</li><li>• Bulan November setiap tahun</li><li>• Gelaran</li><li>• Pangkat</li><li>• Darjah Kebesaran</li><li>• Pingat</li><li>• Dia kita dapat lihat dengan wujudnya istana, maka wujudnya bandar. Bandar Kota Bahru ini telah berkembang menjadi ibu negeri Kelantan kerana wujudnya Istana Balai Besar dan kita lihat peranan sultan kepada agama dan kepada</li></ul>
-------------------	---------------------------	--

		<p>orang-orang melayu dimana sultan adalah ketua agama dan sultan adalah mengikut pelebngaan sultan akan bertindak untuk menjaga hak-hak keistimewaan orang melayu</p>
--	--	--

**BAHAGIAN 8: PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

01:22:49- 01:26:49	Penganugerahan dan kejayaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Masyarakat Melayu Kelantan bahkan masyarakat bukan melayu di Kelantan ini begitu menyanjung tinggi raja-raja melayu ini</li><li>• Jawatankuasa yang dipengurusikan oleh yang berhormat Datuk Seri Setia Sultan Kerajaan Negeri.</li></ul>
--------------------	-----------------------------	---

## BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN

01:27:49-01:40:49	Pesanan dan Harapan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kepada rakyat yang generasi-generasi muda supaya mereka perlu mengetahui tentang sejarah kesultanan</li><li>• Generasi-generasi baru telah lupa dan telah hilang dan maka timbul lah perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku pada hari inilah</li><li>• Kita perlu kekalkan bangunan yang sedia ada</li><li>• Kita perlu melihat sejarah kerana sejarah ini adalah merupakan satu benda yang-yang akan menjadi satu rujukan kita untuk ke depan</li></ul>
-------------------	---------------------	---

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00ptg- 3.00ptg	11 April 2019	Pergi ke Istana Balai Besar untuk kali pertama. Tujuan pergi ke Istana Balai Besar adalah memohon untuk ditemuramah serta mendapatkan maklumat berkaitan tokoh.	Mengambil nombor telefon tokoh.
3.00ptg- 4.00ptg	14 April 2019	Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan.
10.00pg- 11.00pg	15 April 2019	Menghantar soalan kepada tokoh melalui email.	Memperbetulkan soalan sebelum dihantar kepada tokoh.

2ptg-3ptg	24 April 2019	Mengingatkan beliau tentang temubual yang ingin dijalankan.	Menghantar email soalan terbaru kepada tokoh.
2ptg-5ptg	25 April 2019	Hari kejadian	Menyemak soalan serta membuat persediaan untuk temubual.

# LAMPIRAN



LAMPIRAN 1



Gambar 1: Kami bergambar bersama Dr Mohammed Safaruddin Bin Ismail

# INDEKS

## A

Arab 20, 76

## B

Bilik 22, 23, 63, 76

Bangsa 31, 39, 61

Banjir 10, 11, 12, 35, 36, 48, 49

Barat 20, 21, 76

## C

China 20, 21, 34, 76

## D

Duli Yang Maha Mulia 15, 16, 27, 46, 51, 53, 62, 63, 77

Dato 9, 35, 46

Darjah Kebesaran 53, 61, 79

## E

Emas 46, 47, 48, 61

## F

Fakulti 5, 72

## G

Gajah 46, 75

## J

Jabatan 4, 8, 48, 50, 52

Janda Berhias 19

## K

Kota Bahru 53, 79

Kerajaan 4, 7, 8, 28, 29, 45, 47

## M

Malaysia 2, 4, 5, 8, 17, 55, 60

## N

Negeri 70, 79, 81

## O

Organisasi 4, 27, 72

## P

Pekerja 38, 77

## **I**

Istana Balai Besar 74, 79, 83

Islam 76, 78

## **T**

Tuanku 59, 60, 61, 77

Thailand 34, 45, 46, 47

Terengganu 18, 19

## **S**

Sultan 77, 79, 80, 81, 82

## **U**

UUM 2, 5

UMK 50

USM 2, 5



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)

Tarikh : 18 April 2019

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	MUHAMMAD HARIF FAZILLAH BIN MOHD SAID	2017779279
2	MOHAMMAD NOR RAFIQ BIN ROZIMI	2017921277

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT** dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MUHAMMAD HARIF FAZILLAH BIN MOHD SAID**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar


**PROF MADYA DR ZULKIFLI BIN MOHAMED P.S.K**

Timbalan Rektor (Akademik)

b.p Rektor

**Bahagian Hal Ehwal Akademik**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan

Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156)

Email : trheakln@kelantan.uitm.edu.my

